

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Kedatangan Islam membawa rahmat kepada umat manusia. Al-Qur'an dan al-Sunnah merupakan panduan utama kepada masyarakat Islam. Kebangkitan tamadun manusia sering kali berhubung rapat dengan pembudayaan ilmu yang tinggi. Pengajian syariah merupakan salah satu cabang dalam disiplin pengajian Islam. Ia adalah satu disiplin ilmu yang menjuruskan perbincangannya mengenai perkara yang menyentuh persoalan ibadat dan hal-ehwal kehidupan harian seorang muslim, sama ada hubungannya dengan Pencipta (ibadat) ataupun hubungan sesama manusia (mu'amalat).¹

Pengajian syariah merupakan cabang pengetahuan yang penting bagi umat Islam. Disiplin pengajian ini telah mengalami perkembangan pesat semenjak zaman Rasulullah SAW hinggalah kini. Bersesuaian dengan karakter syariah itu sendiri yang dinamis, bentuk pengajiannya juga turut berkembang daripada sistem yang berbentuk tradisi hinggalah moden.

Seiring dengan kedatangan Islam ke Alam Melayu, disiplin pengajian ini turut hadir bersama dan pada peringkat awalnya banyak menitikkan aspek hubungan manusia dengan pencipta, ataupun aspek fiqh ibadat, kemudiannya pengajian ini berkembang kepada aspek hubungan manusia sesama manusia ataupun fiqh

1 Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid & Paizah Hj Ismail (2004), Pengantar Pengajian Syariah. Kuala Lumpur: Al-Baian Corporation, h. 10.

mu‘amalat, sama ada bersifat umum mahupun khusus. Ringkasnya, jurusan pengajian ini hanya menumpukan kepada persoalan yang berkaitan dengan kehidupan amali seorang Muslim, dan melalui jurusan yang sempit inilah ia dibezakan dengan disiplin ilmu Usuluddin dan disiplin-disiplin ilmu Islam yang lain.

Dalam perkembangannya di Alam Melayu, bentuk pengajian syariah juga berkembang dari bentuknya yang tradisi. Sebagaimana dalam tamadun ilmu Islam, peringkat permulaannya berkembang di rumah para guru, kemudiannya madrasah/surau, diikuti pondok dan masjid. Dalam perkembangannya pada hari ini, pengajian syariah turut mendapat tempat di pusat pengajian tinggi sama ada awam ataupun swasta. Di antara pusat pengajian awam yang menawarkan pengajian syariah adalah Universiti Malaya, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Sains Islam Malaysia dan seumpamanya. Manakala pusat pengajian tinggi swasta yang menawarkan pengajian syariah adalah seperti Kolej Universiti Insaniah, Kolej UNITI, Markaz al-Dirasat al-Arabiah Wal-Islamiah (MARSAH) dan sebagainya.

Justeru pengajian syariah yang berkembang pesat ini menawarkan pelbagai metodologi pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan keperluan semasa dan tuntutan pasaran. Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih Markaz al-Dirasat al-Arabiah Wal-Islamiah (MARSAH), Johor Bharu sebagai tempat kajian.

1.2 LATAR BELAKANG & RUMUSAN MASALAH KAJIAN

Sejak kebelakangan ini, didapati terdapat banyak IPTA dan IPTS ditubuhkan di negara ini. Penubuhan yang agak pesat ini adalah kesan daripada hasrat Kerajaan Malaysia yang ingin menjadikan negara ini sebagai salah sebuah daripada pusat kecemerlangan pendidikan di rantau sebelah sini.

Selain daripada institusi-institusi yang menawarkan program-program kemahiran seperti sains, teknologi maklumat, kejuruteraan, Pendidikan dan beberapa lagi jurusan yang lain, institusi yang menawarkan kursus pengajian Islam juga tidak ketinggalan bersama-sama menyemarakkan lagi kehangatan penubuhan IPTA dan IPTS di negara ini.

Pada hari ini, hampir setiap negeri sudah terdapat institusi pengajian Islam yang tersendiri. Institusi ini sama ada bertaraf kolej, institut, kolej universiti ataupun sudah mencapai status universiti sepenuhnya. Masing-masing dengan kursus dan kurikulum yang tersendiri.

Namun begitu, apa yang menjadi persoalannya di sini ialah dalam kegairahan pihak-pihak tersebut menawarkan kursus-kursus pengajian Islam, sejauh manakah ia memenuhi keperluan pendidikan yang sebenarnya. Apakah metodologi yang digunapakai dalam proses pengajaran dan pembelajaran? Seterusnya adakah penawaran kursus yang ditawarkan oleh MARSAH mampu untuk melahirkan satu generasi pelajar lepasan pengajian Islam yang berupaya untuk memenuhi tuntutan

pasaran dan akhirnya dapat melahirkan satu masyarakat yang sempurna dan diredai oleh Allah SWT.

Sehubungan dengan itu, di dalam kajian ini, pengkaji hanya akan menumpukan kepada metodologi pengajian syariah yang digunakan di Kuliah Syariah di MARSAH sahaja, dan kajian ini tidak akan membincangkan tentang metodologi pengajian yang terdapat di kuliah-kuliah yang lain yang turut ditawarkan di MARSAH.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk:

- i. Meneliti Kurikulum Pengajian Syariah di MARSAH.
- ii. Mengkaji kaedah pengajaran dan pembelajaran (P & P) yang digunakan bagi pensyarah dan pelajar dalam Pengajian Syariah di MARSAH.
- iii. Meninjau dan mengenalpasti masalah dan halangan yang timbul dalam proses pembelajaran dan pengajaran di kalangan pelajar dan pensyarah di MARSAH.

1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini penting kerana ia dapat menyumbang kepada beberapa dapatan khususnya kaedah pengajaran dan pembelajaran syariah di MARSAH. Selain itu, ia juga:

- i. Dapat menilai sejauh manakah keberkesanan metodologi pengajian syariah yang dipraktikkan di MARSAH di dalam usaha melahirkan graduan Muslim yang benar-benar memahami tuntutan Islam sebagai cara hidup.
- ii. Dapat menangkis tuduhan-tuduhan negatif daripada pihak-pihak tertentu yang mengatakan sukatan pelajaran pengajian syariah adalah bersifat jumud dan ketinggalan.
- iii. Dapat memberi maklumat dan memperbaiki beberapa kelemahan serta kekurangan yang dapat dikenal pasti semasa kajian dijalankan dengan tujuan untuk memperkemaskan lagi sistem yang ada.

1.5 SKOP KAJIAN

Kajian ini akan lebih memfokuskan kepada metode pengajian syariah yang diguna pakai di MARSAH, di mana sampel kajian ini akan melibatkan pelajar yang mengambil kursus pengajian syariah di kolej ini pada sesi pengajian 2007.

Kajian ini akan lebih menumpukan kepada:

- i. Metode pengajaran dan pembelajaran yang diguna pakai dan diaplikasikan di dalam kuliah. Ia akan lebih menumpukan kepada metode yang digunakan oleh pensyarah. Adakah ia berbentuk satu hala sahaja, ataupun telah menerapkan kaedah PBL dua hala (yang melibatkan pensyarah dan pelajar) di dalam proses pengajaran dan pembelajarannya. Begitu juga, adakah penggunaan ICT turut diserapkan di dalamnya.
- ii. Kurikulum subjek yang ditawarkan kepada para pelajar syariah. Adakah masih terikat dengan subjek-subjek tradisi yang diwarisi dari zaman yang lalu, ataupun telah menerapkan pendekatan yang lebih global dan terkini.
- iii. Meninjau reaksi daripada responden yang terpilih mengenai proses Pengajian Syariah di MARSAH. Ia melibatkan data dan maklumat yang diperoleh daripada responden yang terlibat dengan proses pengajaran dan pembelajaran dalam Pengajian Syariah di kolej ini.
- iv. Kajian ini dijalankan hanya di dalam Kampus MARSAH yang berada di Jalan Gertak Merah, Bandaraya Johor Bahru, bersebelahan dengan Masjid Sultan Abu Bakar negeri Johor.

1.6 KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Pengkaji telah merujuk kepada beberapa jenis bahan bacaan dan penulisan. Di antara bahan-bahan rujukan tersebut adalah seperti; kajian-kajian ilmiah mengenai Pengajian Syariah di beberapa buah institusi pengajian tinggi yang terdapat di

Malaysia, buku-buku Pengajian Syariah yang terdapat di pasaran buku di negara ini, kertas-kertas kerja seminar, dan sebagainya.

Berikut dinyatakan ringkasan daripada beberapa buah kajian dan penulisan yang menjadi rujukan pengkaji di dalam mendapatkan gambaran awal mengenai Pengajian Syariah ini dan juga untuk memahami selok-belok Pengajian Syariah;

- i. Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid (1997), *Dinamisme Pengajian Syariah*. Kuala Lumpur: Berita Publishing. Buku ini mengandungi beberapa buah kertas kerja yang telah dibentangkan di dalam seminar syariah yang telah dianjurkan oleh Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya tidak berapa lama dahulu. Seminar tersebut dianjurkan adalah untuk membincangkan beberapa perkara mengenai Pengajian Syariah di Malaysia. Melalui buku ini, pengkaji telah mendapat beberapa pendedahan, gambaran dan maklumat yang baru mengenai konsep Pengajian Syariah, perkembangannya, hubungan syariah dengan adat resam, latar belakang dan bagaimana hukum Islam terasas serta beberapa lagi persoalan yang lain.
- ii. Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid & Paizah Hj Ismail (2004), *Pengantar Pengajian Syariah*. Kuala Lumpur: al-Baian Corporation. Di dalam mempelajari sesuatu disiplin ilmu secara serius, pengantar kepada ilmu tersebut menjadi asas yang kukuh di dalam memahami objektif sebenar disiplin ilmu itu. Justeru buku ini dikarang bagi memenuhi keperluan tersebut. Melalui buku ini pengkaji mendapat beberapa pendedahan dan maklumat mengenai Pengajian Syariah seperti pengenalan kepada syariah

Islam yang merangkumi beberapa tajuk perbincangan seperti konsep asas Pengajian Syariah, ciri-ciri Syariah Islam dan prinsip-prinsip umum Syariah Islam.

Selanjutnya buku ini turut menjelaskan mengenai latar belakang Pengajian Syariah, objektif, asas, ruang lingkup, pendekatan dan ke arah Pengajian Syariah berorientasikan tempatan. Di samping itu, buku ini juga membincangkan beberapa tajuk yang lain yang berkaitan dengan Pengajian Syariah.

- iii. Ghazali Darusalam (2001), *Pedagogi Pendidikan Islam*. Selangor: Utusan Publications. Buku ini memberi pendedahan kepada pengkaji mengenai dasar dan matlamat, bidang-bidang pendidikan Islam dan metodologi Pendidikan Islam yang terbaik dan berkesan. Di samping itu, beliau turut menyentuh di dalam karyanya ini mengenai perkembangan pendidikan Islam di Malaysia.
- iv. Kajian yang dijalankan Suraya Binti Mohd Zin (2003), “Metodologi Pengajian Syariah Di Kolej UNITI”, membincangkan tentang penubuhan kolej universiti ini (UNITI). Ia adalah sejajar dengan kemunculan pelbagai IPTS di Malaysia yang menawarkan program pengajian Islam. Penubuhan kolej ini telah memberi peluang dan ruang yang lebih luas kepada ramai pelajar yang berminat untuk menyambung dan mendalami Pengajian Syariah.²

Dapatan yang dapat diambil dari kajian ini adalah maklumat mengenai perkembangan Pengajian Syariah di kolej tersebut. Hal ini dapat diperhatikan

2 Suraya Binti Mohd Zin (2003), “Metodologi Pengajian Syariah Di Kolej UNITI”, (Disertasi M.Sh., Jabatan Fiqh dan Usul, APIUM, tidak diterbitkan).

dengan merujuk kepada perbincangan mengenai perihal perkembangan diploma pengajian Islam di kolej berkenaan

Secara umumnya, kajian ini merangkumi empat bab utama iaitu; bab pertama, menghuraikan tentang konsep pengajian Syariah, yang antaranya terdiri daripada pengertian, asas-asas, sejarah perkembangan, objektif, ciri-ciri, cabang, ruang lingkup pengajian dan perbendaharaan fiqh; bab kedua pula merupakan pengenalan kepada Kolej UNITI, yang merupakan lokasi penyelidikan. Ia mengandungi perbincangan sejarah penubuhan, misi dan visi, struktur pentadbiran, konsep pendidikan dan sebagainya; bab ketiga pula merupakan huraian tentang diploma pengajian Islam yang merangkumi matlamat program, sukatan pelajaran, kurikulum dan ko-kurikulum, penilaian akademi dan lain-lain lagi; bab keempat pula, merupakan analisa kepada borang kaji selidik yang telah diedarkan kepada responden kajian ini.

- v. Kajian yang telah dilakukan oleh Hasnizam Hashim (2004), “Metodologi Pengajian Syariah Di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia” ini menfokuskan Jabatan Fiqh dan Usul, Kulliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, UIAM. Kajian beliau mendapati dari segi kurikulum, pengajian Syariah di UIAM adalah baik kerana menawarkan kursus-kursus sampingan selain daripada subjek pengkhususan. Penawaran ini dapat melahirkan graduan yang berdaya saing dan kompetitif. Dari aspek pengajian dan pembelajaran, pelbagai kaedah telah diaplikasi oleh tenaga pengajar bagi mencapai objektif yang ditetapkan.³

3 Hasnizam Hashim (2004), “Metodologi Pengajian Syariah Di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia”, (Disertasi M.Sh., Jabatan Fiqh dan Usul, APIUM, tidak diterbitkan).

- vi. Kajian yang telah dijalankan Zurita binti Mohd Yusoff (2004), mengenai “Metodologi Pengajian Syariah di Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA), Kuala Terengganu, Terengganu” berobjektifkan untuk mengenal pasti bagaimanakah metodologi pengajian Syariah yang dilaksanakan di Sekolah Pengajian Islam bagi kursus Syariah di kolej ini.

Pengkaji kajian ini menyatakan bahawa beliau tertarik untuk menjalankan kajian di dalam bidang ini adalah untuk melihat sejauh manakah kebenaran tuduhan-tuduhan negatif yang telah dilemparkan terhadap graduan pengajian Islam sejak akhir-akhir ini. Tuduhan tersebut mendakwa bahawa pelajar-pelajar tersebut merupakan golongan kelas ketiga, bersikap anti terhadap pemodenan, jumud, tidak berkualiti dan berbagai-bagai lagi tuduhan negatif yang lain.⁴

Dapatan yang ditemui oleh kajian ini telah memberi gambaran dan jawapan kepada pengkaji mengenai kebenaran dan hakikat tuduhan-tuduhan negatif tersebut. Di samping itu, melalui kajian ini juga pengkaji mendapat gambaran awal bahawa terdapatnya hubungan di antara metodologi pengajian dengan kualiti para graduan yang dilahirkan di sesebuah institusi ataupun pusat pengajian tinggi.

Beliau turut memilih beberapa skop yang tertentu bagi memastikan kajian ini lebih sistematik. Di antara skop yang dipilih adalah seperti; Pertamanya, konsep syariah; Kedua, perkembangan Pengajian Syariah di Malaysia; Ketiga, perkembangan Pengajian Syariah di institusi pengajian tinggi awam dan swasta di Malaysia; Keempat, sejarah penubuhan KUSZA; Kelima,

4 Zurita binti Mohd Yusoff (2004), “Metodologi Pengajian Syariah di Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA), Kuala Terengganu, Terengganu”, (Disertasi M.Sh., Jabatan Fiqh dan Usul, APIUM, tidak diterbitkan).

metodologi Pengajian Syariah di KUSZA; Keenam, sukatan pelajaran bagi program diploma Pengajian Islam (Syariah) KUSZA; dan Ketujuh, pencapaian akademik pelajar Diploma Pengajian Syariah.

Di antara dapatan yang dapat diambil daripada kajian ini adalah:

1. KUSZA mempunyai metodologi pengajian Syariah yang baik.
 2. Pensyarah-pensyarah yang dilantik adalah daripada mereka yang berkelayakan.
 3. Sukatan pelajaran bagi program ini amat sesuai bagi tahap diploma.
 4. Gabung jalin di antara mata pelajaran pengajian Islam dan juga elektif seperti ekonomi, politik dan juga ilmu kemasyarakatan dapat melahirkan generasi yang cemerlang.
 5. Pencapaian bahasa Arab para pelajar masih berada pada tahap yang sederhana.
- vii. Kajian yang dilakukan oleh Khomsah binti Mutalib (2004), tentang “Metodologi Pengajian Syariah Di Kolej Islam Darul Ulum, Pokok Sena, Kedah” telah menfokuskan aspek metodologi pengajian Syariah, termasuklah sukatan kursus, buku teks dan rujukan yang diperlukan, kaedah penilaian, kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dipraktikkan di institusi tersebut.⁵
- Pengkaji telah menggunakan beberapa metode pengumpulan data seperti metode dokumentasi, metode historis, metode observasi, metode interview dan metode kaji-selidik. Secara khususnya kajian ini mengandungi dua bahagian penting, iaitu teori dan empirikal.

5 Khomsah binti Mutalib (2004), “Metodologi Pengajian Syariah Di Kolej Islam Darul Ulum, Pokok Sena, Kedah”, (Disertasi M.Sh., Jabatan Fiqh dan Usul, APIUM, tidak diterbitkan).

Bahagian teori kajian ini membincangkan tentang perkembangan Pengajian Syariah di Malaysia, serta kedatangan Islam ke Tanah Melayu sehingga ke zaman pertumbuhan institusi-institusi pengajian tinggi swasta di Malaysia. Di dalam bahagian ini juga, pengkaji turut membincangkan tentang konsep Pengajian Syariah merangkumi matlamat, kandungan dan pendekatan dalam Pengajian Syariah.

Di samping itu juga, kajian ini juga turut menyentuh tentang metodologi yang digunakan dalam Pengajian Syariah di KIDU, ia meliputi keseluruhan aspek yang dikaji, iaitu sukatan kursus, buku teks, dan rujukan, kaedah penilaian, kaedah pengajaran dan kaedah pembelajaran yang diguna pakai di institusi tersebut. Dalam bahagian empirikal pula melibatkan penganalisan data hasil daripada soal-selidik yang dijalankan ke atas responden yang dipilih daripada pelajar-pelajar kolej ini (KIDU).

Dapatan yang diperolehi dari kajian ini ialah Pengajian Syariah di KIDU berjalan dalam situasi yang memuaskan. Walau bagaimanapun, bagi menjadi sebuah institusi pengajian tinggi yang unggul, KIDU perlu menjadikan Pengajian Syariah di institusi ini lebih dinamis melalui integrasi ilmu, aktiviti penyelidikan, penguasaan bahasa Arab yang mantap serta kesedaran dan usaha yang gigih di kalangan pihak pentadbir, tenaga pengajar dan pelajar agar prestasi masing-masing dapat ditingkatkan, dan seterusnya dapat memantapkan lagi Pengajian Syariah di institusi tersebut.

- viii. Kajian yang dilakukan Rosliza @ Rosli Mahmod (2005), tentang “Metodologi Pengajian Syariah Di Pondok Moden Kandis, Bachok, Kelantan,

Kelantan” bertujuan untuk meninjau metode dan pendekatan Pengajian Syariah yang dipraktikkan di pusat pengajian Pondok.⁶

Di dalam kajian ini, pengkaji mendapati bahawa setiap bab yang terdapat di dalam kajian ini mempunyai hubungan dan saling berkait di antara satu bab dengan bab yang lain, dan ia telah dimulakan dengan bab yang pertama yang memerihalkan tentang pendahuluan kajian ini (proposal kajian); Bab Kedua menghurai tentang Definisi Metodologi Pengajian Syariah, Konsep Pengajian Syariah, Metode dan Pendekatan yang dipraktikkan dalam Pengajian Syariah; Bab Ketiga merupakan pengenalan kepada pusat pengajian pondok yang menjadi lokasi penyelidikan kajian ini. Di antara persoalan yang diperbincangkan di dalam bab ini adalah seperti sejarah penubuhan, pentadbiran, struktur pentadbiran, kurikulum pengajian, latar belakang tenaga pengajar dan pelajar yang terdapat di institusi pengajian pondok tersebut; Bab Keempat mengandungi kupasan mengenai kurikulum Pengajian Syariah di pusat pengajian pondok secara lebih terperinci.

Bab kelima pula menghuraikan secara terperinci metodologi Pengajian Syariah yang dipraktikkan dalam Pengajian Syariah di pusat pengajian pondok.

Bab ini merupakan analisa kepada temu bual dan soal-selidik yang telah dilakukan kepada responden kajian ini; Bab Keenam mengandungi rumusan yang diperoleh hasil daripada kajian yang dijalankan dan terdapat beberapa cadangan serta saranan yang dikemukakan oleh pengkaji kajian ini.

6 Rosliza @ Rosli Mahmod (2005), “Metodologi Pengajian Syariah Di Pondok Moden Kandis, Bachok, Kelantan, Kelantan”, (Disertasi M.Sh., Jabatan Fiqh dan Usul, APIUM, tidak diterbitkan).

Antara penemuan utama yang diperoleh melalui kajian ini ialah penubuhan pusat pengajian pondok dengan sistem pentadbiran dan pembelajaran yang tersusun dan bersistematik telah meningkatkan keberkesanan pendidikan Islam yang berorientasikan pondok.

Di samping itu juga, hasil kajian ini turut mendedahkan bahawa pusat pengajian pondok telah mempraktikkan keseluruhan metode-metode pengajian Islam yang diwarisi secara tradisi dan dibantu oleh beberapa metode pengajian moden dalam Pengajian Syariah.

Walau bagaimanapun, tumpuan masih diberikan kepada tiga metode utama, iaitu:

- i. Metode Syarahan.
- ii. Metode Hafalan.
- iii. Metode Perbincangan.

Walau bagaimanapun, apa yang menarik yang dapat diperoleh melalui kajian ini ialah kesediaan tenaga pengajar dan para pelajar pusat pengajian pondok menerima pendekatan Pengajian Syariah yang lebih terbuka.

Kesimpulan yang dapat disimpulkan di sini setelah membuat tinjauan terhadap kajian-kajian terdahulu sama ada dalam bentuk buku-buku, kertas-kertas kerja persidangan dan disertasi, pengkaji mendapati banyak kajian telah dilakukan mengenai metodologi Pengajian Syariah itu sendiri sama ada di peringkat sekolah mahupun di peringkat IPTA dan IPTS.

Walau bagaimanapun, masih belum terdapat lagi penyelidikan yang dilakukan mengenai sebuah lagi institusi pengajian tinggi Islam yang ditubuhkan di negeri Johor (MARSAH) dan telah mendapat kelulusan daripada Lembaga Akreditasi Negara (LAN).

Justeru itu, kajian ini dilakukan dengan tujuan untuk melihat bagaimanakah sistem pengajaran yang diamalkan di Kuliah Syariah yang terdapat di kolej ini dan adakah kaedah PBL telah diterapkan sebagai metode di dalam sistem pengajaran dan pembelajaran di kolej ini.

1.7 METODOLOGI KAJIAN

Di dalam melaksanakan sesuatu kajian, pemilihan kaedah dan metodologi kajian yang bersesuaian dengan objektif kajian akan membantu penyelidik mengumpul data-data yang relevan dengannya, dan seterusnya dapat menghasilkan sebuah kajian yang baik dan bermutu.

Pengkaji menghadapi kesukaran dalam proses pengumpulan dan penganalisan data. Disebabkan mengalami masalah cacat penglihatan (OKU), pengkaji mendapatkan bantuan rakan-rakan untuk mendapatkan rujukan berkaitan dan sebahagian besarnya dibaca oleh mereka kepada pengkaji sebelum dianalisis data tersebut untuk dipersembahkan dalam bentuk penulisan. Justeru, terdapat beberapa kelemahan berkaitan dengan bahan kajian dan penulisan ini.

Walau bagaimanapun, untuk memastikan kajian ini mencapai objektif yang ditetapkan, pengkaji telah menggunakan beberapa metodologi kajian yang wajar. Antaranya ialah :

1.7.1 Metode Pengumpulan Data

Metode pengumpulan data ialah usaha-usaha yang dilakukan dengan pengumpulan maklumat dan seterusnya mentafsir data-data yang tersebut.⁷ Dalam usaha mengumpul maklumat dan data daripada sumber-sumber tertentu, pengkaji telah menggabungkan dua kaedah penyelidikan, iaitu:

- i. Kajian Perpustakaan (*library research*)
- ii. Kajian Lapangan (*field research*)

i. Kajian Perpustakaan

Pengkaji telah memilih kaedah Kajian Perpustakaan sebagai salah satu daripada kaedah penyelidikan yang diguna pakai. Beberapa buah buku yang berkaitan dengan tajuk kajian telah menjadi tumpuan pengkaji di dalam pengumpulan dan pemerolehan data serta maklumat.

Kebanyakan data penyelidikan diperolehi dari perpustakaan di dalam Universiti Malaya, iaitu:

- (a) Perpustakaan Utama Universiti Malaya.
- (b) Perpustakaan Peringatan Za'ba, Universiti Malaya.

⁷ Abdul Halim Mat Diah (1987) Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi. Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin Akademi Islam Universiti Malaya, h. 11.

- (c) Perpustakaan Akademi Pengajian Islam.

Walaupun begitu untuk memantapkan lagi proses pengumpulan maklumat, pengkaji membuat rujukan perpustakaan di luar kampus. Di antara perpustakaan tersebut ialah :

- (a) Perpustakaan Awam Pusat Islam, Kuala Lumpur.
- (b) Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Data-data dan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan metodologi Pengajian Syariah dikumpulkan melalui kaedah ini. Terdapat pelbagai jenis bahan bacaan yang dijadikan rujukan pengkaji di dalam mengumpulkan data dan maklumat sama ada dari sumber yang primer mahupun sekunder.

ii. Kajian Lapangan

Bagi mendapatkan maklumat mengenai metodologi pengajian Syariah di MARSAN, pengkaji telah menjalankan kajian lapangan dan metode yang digunakan ialah; (a) Metode Soal-selidik (b) Metode Temu bual dan (c) Metode Observasi.

a) Metode Soal-selidik

Metode ini adalah satu kaedah pengumpulan data melalui penggunaan borang soal selidik yang mengandungi pelbagai soalan yang disusun secara teratur untuk dijawab oleh responden.⁸ Ia merupakan metode yang paling penting untuk melengkapkan data di dalam bab keempat. Melalui metode ini, kedudukan sebenar tentang pengajian Syariah di MARSAH dapat diketahui.

Kajian ini hanya melibatkan Jabatan Syariah Islamiah di MARSAH, dan ia tidak melibatkan pelajar-pelajar dari jabatan-jabatan yang lain. Seramai 60 orang pelajar telah dipilih sebagai responden bagi kajian ini. Cara pemilihan dilakukan adalah secara pemilihan rawak. Bagi menjamin kesahan data dan maklumat yang diperolehi melalui kaedah soal-selidik ini, pengkaji telah memilih responden dengan bilangan yang sama banyak dari setiap tahun pengajian di MARSAH.

Ringkasnya, bagi setiap tahun pengajian pengkaji telah memilih seramai 20 orang responden. Mereka akan diberikan borang soal-selidik dan diminta untuk menjawab kesemua soalan yang terdapat di dalam borang soal-selidik tersebut.

Satu senarai soalan yang lengkap dan sama akan digunakan ke atas setiap responden. Soalan yang disediakan terdiri daripada soalan terbuka dan tertutup. Seterusnya, pengkaji akan membuat analisis berdasarkan jawapan yang telah diberikan. Borang soal-selidik yang disediakan meliputi enam bahagian yang merangkumi pertanyaan tentang:

8 Syed Arabi Idid (1992), *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. c. 2, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 87.

Bahagian A: Biodata responden.

Bahagian B: Faktor-faktor yang mendorong pelajar melanjutkan pengajian di MARSAH.

Bahagian C: Teknik pengajaran dan pembelajaran yang digunakan dalam pengajian Syariah Di MARSAH.

Bahagian D: Cara penilaian kerja kursus yang diberikan oleh pensyarah.

Bahagian E: Persepsi pelajar terhadap pengajaran pensyarah di MARSAH.

Bahagian F: Kursus tambahan yang ditawarkan.

b) Metode Temu bual

Metode ini memerlukan komunikasi secara langsung antara penyelidik dengan subjek atau sampel,⁹ dengan kata lain metode ini adalah cara yang digunakan untuk mendapatkan keterangan atau pendirian secara lisan dari seorang responden dan bercakap-cakap secara berhadapan dengan muka orang itu.¹⁰ Pengkaji mengaplikasikannya berpandukan temu bual separa struktur, yang mana soalan yang hendak diajukan telah digubal terlebih dahulu. Walau bagaimanapun, urutan soalan, cara soalan diajukan dan bentuk soalan boleh berubah-ubah, bergantung kesesuaian keadaan informan.¹¹ Metode ini, pengkaji telah gunakan ketika memungut data berhubung dengan latar belakang pengajian Syariah di MARSAH melalui temubual bersama pentadbir dan para pensyarahnya.

9 Winargo Surachmad (1970), *Dasar dan Teknik Reseach, Pengantar Methodologi Ilmiah*, Bandung : Penerbit C.V. Tarsito, h. 168.

10 Koentjaraningrat (1977), *op. cit.*, h. 16.

11 Noraini Idris (2010), *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill, h. 320.

c) Metode Observasi

Metode ini merupakan cara penelitian yang dapat menghasilkan pengetahuan yang sesuai dengan syarat-syarat penelitian ilmiah tanpa banyak memerlukan biaya atau tenaga.¹² Ianya termasuk pengalaman seorang peneliti yang dialami secara langsung di dalam masalah-masalah yang ada hubungannya dengan aspek penelitian.

Metode Observasi ini amat berkesan sekali untuk melihat perkembangan dan perubahan yang berlaku ke atas perkara yang diperhatikan.¹³ Pengkaji turut menggunakan kaedah ini sebagai satu cara untuk melihat sendiri bagaimana sebenarnya pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran Pengajian Syariah yang diamalkan di MARSAH.

Bagi menjalankan kaedah tinjauan ini, pengkaji telah bersama-sama menyertai kuliah dengan pelajar Pengajian Syariah MARSAH yang menghadiri kuliah tersebut untuk mendapatkan gambaran, data dan maklumat mengenai bagaimanakah pelaksanaan dan pengaplikasian metodologi Pengajian Syariah yang dijalankan dan adakah ia bertepatan dengan maklumat yang diperolehi sebelum ini.

Walaupun tidak kesemua kuliah yang diadakan disertai oleh pengkaji, namun penglibatan pengkaji menghadirkan diri di dalam beberapa kuliah yang diadakan sudah mencukupi untuk pengkaji mengumpulkan data dan maklumat yang

12 Abdul Halim bin Mat Diah (1987), *op.cit.*, h. 129.

13 Samaruddin Rejab dan Nazri Abdullah (1992), *Panduan Menulis Tesis*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 344.

diperlukan mengenainya dan seterusnya membuat kesimpulan berasaskan data dan maklumat yang terkumpul.

Perlu dinyatakan di sini, di dalam menjalankan kaedah tinjauan ini, pengkaji telah menggunakan khidmat bantuan orang ketiga. Dia akan bertindak sebagai mata yang memerhatikan segala aktiviti, proses pengajaran dan pembelajaran serta gerak kerja yang dilakukan di dalam kuliah tersebut bagi pihak pengkaji. Bantuan daripada orang ketiga amat diperlukan oleh pengkaji untuk menjalankan kaedah tinjauan ini. Hal ini adalah disebabkan pengkaji merupakan seorang OKU (cacat penglihatan). Oleh itu, pengkaji memerlukan bantuan dari pihak ketiga untuk melaksanakan aktiviti pemerhatian tersebut.

Sewaktu kerja-kerja pemerhatian ini sedang dijalankan, pengkaji akan berada bersama-sama orang ketiga di dalam bilik kuliah di mana kerja-kerja pemerhatian tersebut dijalankan. Hal ini dapat memastikan data-data dan maklumat-maklumat yang dikumpulkan lebih telus dan meyakinkan pengkaji.

Secara umumnya, pengkaji menggunakan beberapa cara dalam pengumpulan data iaitu: pertama, pengkaji telah meminta kebenaran daripada pihak pengurusan MARSAH untuk menjalankan kajian mengenai Metodologi Pengajian Syariah di kolej ini. Kedua, pengkaji turut mendapatkan maklumat daripada beberapa orang pensyarah di Kuliah Syariah. Ketiga, pengkaji turut meminta bantuan daripada seorang pensyarah MARSAH untuk mengedarkan borang soal selidik kepada pelajar-pelajar dari Kuliah Syariah (responden) yang terpilih bagi menjawab soalan soal-selidik tersebut.

1.7.2 Metode Analisis Data

Metode analisis data telah digunakan sebagai cara untuk pengkaji menganalisis data dan maklumat yang telah diperolehi. Segala data dan maklumat tersebut dianalisa dengan menggunakan perisian yang khusus untuk menganalisa data (SPSS). Kesemua data dan maklumat tersebut dianalisa untuk melihat hubungan kait antara fakta-fakta, menginterpretasi data dan seterusnya membuat kesimpulan serta saranan sebagai hasil penemuan kajian. Berikut adalah metode-metode yang diaplikasikan oleh pengkaji untuk menganalisis segala maklumat tersebut:

i. Metode Induktif¹⁴

Metode ini ialah suatu cara untuk menganalisis data melalui pola berfikir dengan cara pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil-dalil yang bersifat umum.¹⁵ Sebagai contoh, pengkaji akan menggunakan metode ini dalam bab dua dan tiga.

14 Lihat Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, h. 82.

15 Imam Barnadib (1982), *op. cit.*, hh. 52-53.

ii. Metode Deduktif¹⁶

Metode ini merupakan suatu bentuk pola berfikir untuk mencari pembuktian dengan berasaskan kepada dalil-dalil umum kepada dalil-dalil yang khusus. Dalam kajian ini pengkaji membuat rumusan berdasarkan maklumat yang ada. Ia banyak digunakan dalam menganalisis bab keempat yang melibatkan data soal-selidik.

iii. Metode Komparatif

Metode ini adalah satu cara membuat kesimpulan melalui perbandingan terhadap data-data, fakta dan pendapat yang diperolehi semasa melakukan kajian dan penelitian.¹⁷ Metode ini diaplikasikan hampir di semua bab yang melibatkan pelbagai pandangan dan tanggapan dalam kajian. Contohnya perbandingan akan dibuat untuk melihat sejauh mana keberkesanan sistem pengajian syariah yang ada dalam mencapai objektif pengajian.

iv. Metode SPSS¹⁸

Metode SPSS (*Statistical Package for the Social Sciences*) diaplikasi dalam menganalisis borang soal-selidik yang telah dikembalikan. Pengkaji menggunakan versi 11.5 untuk menganalisis data berkaitan.

16 Lihat Idris Awang (2001), op.cit., h. 82.

Louay Safi (1998), *Asas-asas Ilmu Pengetahuan: Satu Kajian Perbandingan Kaedah-kaedah Penyelidikan Islam dan Barat*. Kuala Lumpur: The International of Islamic Thought & Thinker's Library, h. 139.

17 Gerald S. Ferman & Jade Levin (1975), *Social Sciences Research*. United States of America: John Wisley & Sons, h. 79.

18 Zulkarnain Zakaria & Hishamuddin Md. Som (2001), *Analisis Data Menggunakan SPSS Windows*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

1.7.3 Metode Persampelan

Kaedah persampelan ini digunakan untuk menetapkan sebahagian daripada populasi (responden) yang seharusnya representif keseluruhan populasi tersebut.¹⁹ Pengkaji telah menggunakan kaedah persampelan *secara rawak* dengan penentuan jumlah populasi dan saiz *sample* yang dipilih. Ia merupakan kaedah yang praktikal kerana dapat menjimatkan kos, masa, tenaga dan alat memproses data. Kaedah ini digunakan khusus untuk kaedah soal-selidik. Proses persampelan responden adalah seperti jadual 1.7.3 berikut:

Jadual 1.7.3: Taburan Persampelan Responden

TAHAP PENGAJIAN	PENGAJIAN SYARIAH
Tahun 1	20 ORANG
Tahun 2	20 ORANG
Tahun 3	20 ORANG
JUMLAH	60 ORANG

19 Sulaiman Masri (2003), Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan Esei, Proposal dan Tesis. Kuala Lumpur: Utusan Publications, h. 55.

1.8 SISTEMATIKA PENULISAN

Pengkaji telah membahagikan kajian ini kepada lima bab yang dimulai dengan bab pertama iaitu pendahuluan dan diakhiri dengan bab penutup. Ia bagi memudahkan pengkaji dalam membuat huraian dan perbincangan mengenainya dengan lebih sistematik.

- **Preliminari**

Bahagian ini merupakan permulaan yang mengandungi abstrak, dedikasi, penghargaan, daftar isi, senarai jadual, senarai lampiran, senarai kependekan dan panduan transliterasi.

- **Bab Pertama: Pendahuluan**

Bahagian ini merupakan pengenalan dan kerangka secara keseluruhan kepada kajian yang dilakukan. Ia mengandungi latar belakang masalah kajian, rumusan masalah kajian, objektif kajian, kepentingan kajian dijalankan dan kajian-kajian lepas, metodologi kajian yang telah dilaksanakan sama ada metode pengumpulan data yang menggunakan kajian perpustakaan dan kajian lapangan, diikuti pengaplikasian metode analisis data melalui metode induktif, deduktif, komparatif dan SPSS. Perbincangan berakhir dengan sistematika penulisan.

- **Bab Kedua: Konsep Pengajian Syariah**

Bab kedua membincangkan tentang konsep pengajian syariah. Dari segi sejarahnya, ia bermula dengan pengajian rumah guru, surau, masjid dan pondok, diikuti perkembangan pengajiannya di IPT. Secara khususnya ia membincangkan

tentang metodologi, asas serta ruang lingkup pengajian syariah. Selain itu, perbincangan turut menfokuskan latar belakang pengajian syariah dan perkembangannya di Malaysia.

- **Bab Ketiga: Pengajian Syariah Di MARSAH**

Bab ketiga membincangkan latar belakang institusi yang menjadi tempat kajian iaitu Markaz al-Dirasat al-Arabiah Wal-Islamiah (MARSAH), Johor Bahru. Ia meliputi sejarah ringkas, motto dan falsafah pendidikan. Selain itu, ia juga membincangkan mengenai sistem pembelajaran syariah di MARSAH.

- **Bab Keempat: Analisis Data**

Bab keempat ini mengandungi analisis data yang diperolehi daripada metode soal-selidik, temu bual, pemerhatian dan sebagainya. Daripada metode soal-selidik, dua kumpulan responden iaitu kalangan pensyarah dan kalangan pelajar diambilkira. Ia merangkumi latar belakang responden dan pandangan pensyarah/pelajar terhadap pengajian syariah di MARSAH.

- **Bab Kelima: Penutup**

Dalam bab terakhir ini, pengkaji membentangkan dapatan kajian iaitu hasil daripada analisis yang dilakukan pada bab-bab sebelumnya dan membuat kesimpulan dan saranan-saranan bagi hasil penemuan kajian tersebut.

BAB 2: KONSEP PENGAJIAN SYARIAH

2.1 PENGENALAN

Perkataan Syariah merupakan satu lafaz yang membawa pengertian yang begitu besar sekali dan merangkumi bidang yang begitu luas di dalam Islam. Jika lafaz ini disebut secara tunggal atau bersendirian (tanpa dihubungkan dengan sebarang perkataan yang lain), ia akan membawa maksud keseluruhan ajaran yang terdapat di dalam Islam.

Namun, apabila perkataan ini dihubungkan dengan perkataan yang lain seperti perkataan “pengajian” (Pengajian Syariah), ia telah berubah dan bertukar menjadi salah satu daripada disiplin ilmu yang terdapat di dalam Islam, iaitu Pengajian Syariah.

Penambahan dan pengaitan lafaz syariah ini dengan perkataan tersebut (pengajian), telah menyebabkan maksud asal lafaz tersebut berubah daripada satu pengertian yang begitu luas yang merangkumi keseluruhan agama Islam menjadi satu pengertian yang begitu sempit dan hanya merujuk kepada nilai-nilai yang berkait dengan kelakuan amali seseorang mukallaf yang terdapat di dalam

pengajaran Islam sahaja. Amalan yang dimaksudkan di sini sama ada amalan yang berbentuk perkataan mahupun perbuatan seseorang mukalaf.²⁰

Seperti yang telah sedia maklum, Syariat Islam adalah berasaskan kepada dua sumber utama, iaitu dua jenis wahyu yang diturunkan oleh Allah SWT kepada RasulNya Nabi Muhammad SAW²¹ iaitu wahyu yang diturunkan dengan lafaz dan maknanya sekali, iaitu al-Qur'an, dan juga wahyu yang diturunkan dengan maknanya sahaja tanpa lafaz, iaitu al-Sunnah, dan ciri inilah yang membezakannya sama sekali dari semua jenis perundangan duniawi kerana ia bersumberkan dari manusia, sedangkan Syariah Islamiah pula sumbernya adalah dari pencipta manusia itu sendiri, iaitu Allah SWT.²²

Akibat daripada Syariat Islam itu berasaskan kepada kedua-dua jenis wahyu tersebut, maka pengajian Syariah ini juga turut menggunakan asas dan sumber rujukan yang sama dengan sumber dan asas kepada syariah Islam itu sendiri, iaitu wahyu. Malah ia dilengkapi lagi dengan penghormatan yang telah diberikan oleh Islam kepada kemampuan akal fikiran manusia di dalam menentukan dan memahami sesuatu.²³

20 Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid (1997), "Pengajian Syariah: Satu Pentakrifan", dalam Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid (ed.), *Dinamisme Pengajian Syariah*. Kuala Lumpur: Berita Publishing, h. 1.

21 Mohd. Saleh Bin Haji Ahmad (1999), *Pengantar Syari'at Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid, h. 5.

22 Ibid.

23 Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid & Paizah Hj Ismail (2004), *Pengantar Pengajian Syariah*. Kuala Lumpur: al-Baian Corporation, h. 14.

Kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan perbincangan yang telah dinyatakan ialah, Pengajian Syariah ini adalah suatu bentuk pengajian yang berasaskan kepada dua sumber utama, yang mana kedua-dua sumber tersebut tidak boleh dipisahkan sama sekali di antara satu sama lain. Kedua-dua sumber tersebut ialah; pertama, wahyu Allah yang bersifat muqaddas, mempunyai kebenaran yang mutlak, syumul, lengkap, komprehensif, universal, alami dan kekal buat selama-lamanya (abadi),²⁴ kedua ialah pemahaman para fuqaha' terhadap sumber yang pertama, iaitu kedua jenis wahyu tersebut.

Selain dari itu, terdapat beberapa ciri dan sifat yang lain yang terus meletakkan syariat Islam ini di tempat yang tertinggi dan tidak akan terdapat sebarang peraturan ataupun perundangan yang lain yang dapat menandinginya. Antara sifat-sifat tersebut adalah seperti ia bersifat muqaddas, iaitu sangat murni dan tidak mengandungi sebarang cacat-cela, memiliki kebenaran yang mutlak, iaitu tanpa syarat, kandungannya yang syumul (lengkap dan komprehensif), alami dan kekal buat selama-lamanya.²⁵

Walaupun kedua-duanya memiliki sifat yang begitu hebat, yang terus dapat memantapkan dan mengukuhkan kedudukan kedua-duanya sebagai ciri yang dapat membezakan di antara Syariat Islam dengan peraturan dan perundangan yang lain selain daripadanya, namun kedua-duanya masih memerlukan kepada peranan akal fikiran manusia yang waras di dalam memahami dan menafsirkan segala kehendak,

²⁴ Ibid., h. 4.

²⁵ Ibid., h. 3.

tuntutan dan larangan Syariah yang terdapat di dalam nas-nas wahyu tersebut sebelum ia boleh berfungsi sebagai satu peraturan yang mengikat.²⁶

Walaupun akal fikiran manusia diberi ruang yang agak luas di dalam memahami nas-nas Syariat tersebut, namun ia masih terikat dengan kehendak wahyu secara umumnya dan tidak boleh bertindak bebas sewenang-wenangnya sehingga bersalahan dan bertentangan dengan garis-garis umum yang telah ditentukan oleh Syara' pemilik syariat ini.²⁷

Di dalam bahagian kedua ini, pengkaji akan menjelaskan mengenai metodologi pengajian syariah dan beberapa perkara yang berkaitan dengannya seperti asas pengajian syariah, objektif pengajian, skop pengajian, ciri-ciri pengajian syariah dan juga mengenai sejarah dan perkembangan pengajian ini di Malaysia.

Berasaskan kepada fakta di atas, jelaslah kepada kita bahawa Syariat Islam itu adalah satu sistem hidup yang lebih bersifat fleksibel dan menerima perubahan serta perkembangan sejajar dengan perkembangan keintelektualan dan kehidupan manusia semasa.²⁸ Di dalam persoalan ini, Mahmood Zuhdi bin Hj. Ab. Majid menegaskan lagi bahawa di dalam para fuqaha' memahami kedua-dua nas tersebut, ia (daya pemikiran) pada rutinnya sentiasa berkembang mengikut perkembangan ilmu dan nilai intelektual serta juga keadaan semasa dan setempat bila dan di mana

26 Ibid., h. 15.

27 Ibid.

28 Yusuf al-Qaradawi (1997), *Madkhal li Dirasati al-Syari'ah al-Islamiyyah*. c. 2. Beirut: Mu'assasah al-Risalah, h. 137.

pengajian itu dilakukan asalkan ia tetap mengekalkan gaya umum pemikiran Islam dan berpegang teguh dengan prinsip-prinsipnya.²⁹

Oleh yang demikian, jelaslah bahawa Pengajian Syariah itu adalah satu bentuk pengajian yang bermatlamatkan untuk memahami isi kandungan kedua-dua jenis wahyu tersebut di samping menitikberatkan tentang peranan akal di dalam memahaminya.

2.2 METODOLOGI PENGAJIAN SYARIAH

2.2.1 Definisi Metodologi

Perkataan metodologi adalah gabungan daripada dua perkataan yang berasal daripada bahasa Yunani, iaitu perkataan “*meta*” dan “*hodos*”. Perkataan “*meta*” bererti “melalui”, manakala perkataan “*hodos*” pula membawa erti “jalan atau cara”³⁰. Hasil kombinasi daripada dua perkataan tersebut, iaitu “metodologi”, ia membawa maksud sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin, dan sebagainya³¹. Ringkasnya, metodologi ialah kaedah atau cara yang perlu dilalui atau digunakan di dalam usaha untuk melihat dan mengetahui keadaan sebenar sesuatu masalah dan persoalan yang sedang dihadapi, dan seterusnya mencari jalan keluar daripadanya”.³²

29 Mahmood Zuhdi Hj Ab. Majid (1997), op.cit., h. 20.

30 id.wikipedia.org/wiki/Metodologi, 10 November 2010, 11:50 pagi.

31 Kamus Dewan Jilid Ke-4, Dewan Eja Pro, The Name Technology, Kuala Lumpur.

32 Abudin Nata (1997), Filsafat Pendidikan Islam. Jakarta: Logos Wacana Ilmu , h. 91.

Di samping pengertian di atas, terdapat juga pengertian yang lain yang turut menghuraikan perkataan metodologi ini, contohnya seperti yang terdapat di dalam Kamus Dwibahasa; “metode” diertikan sebagai “sains atau kajian mengenai kaedah (terutama dalam perkara ilmiah); perkaedahan; metodologi”.³³ Manakala perkataan metodologi pula adalah satu cara, teknik atau pendekatan yang digunakan untuk mencapai sesuatu tujuan atau matlamat.³⁴

Selain itu, istilah ini turut merujuk kepada suatu sistem yang merangkumi kaedah-kaedah dan prinsip-prinsip yang tertentu di dalamnya yang digunakan di dalam sesuatu kegiatan, disiplin dan sebagainya. Jelasnya di sini, metodologi itu adalah suatu sistem yang terdapat di dalam sesuatu disiplin yang tertentu. Metode dalam sistem pendidikan mempunyai peranan dan fungsi yang khusus. Penerapan metode yang tepat harus disesuaikan dengan kekhususan kemampuan peserta didik dalam belajar. Oleh sebab itu, metode secara operasional memiliki berbagai bentuk dan variasi praktikal.³⁵

2.2.2 Definisi Pengajian

Di dalam Bahasa Melayu, perkataan “pengajian” adalah merupakan kata nama yang diterbitkan daripada kata dasar “kaji”. Kata dasar tersebut bererti “pelajaran (sama ada yang berkaitan dengan agama ataupun yang lain-lain), cabang ilmu pengetahuan atau penyelidikan mengenai sesuatu, kegiatan atau usaha

33 Kamus Dwibahasa. (2002), edisi kedua, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 759.

34 Ghazali Darussalam (2001), *Pedagogi Pendidikan Islam*. Selangor: Utusan Publications, h. 52.

35 Jasa Ungguh Muliawan (2005), *Pendidikan Islam Integratif*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar, h. 145.

menyelidik dan mengkaji untuk mengetahui kedudukan sesuatu dengan nyata”.³⁶ Manakala perkataan pengajian pula membawa maksud, “kajian, penyelidikan (yang mendalam atau terperinci), pelajaran atau perolehan pelajaran (yang mendalam atau di peringkat tinggi)”.³⁷

Selain itu, pengajian juga boleh didefinisikan sebagai satu cara atau usaha yang dilakukan untuk memahami sesuatu perkara atau ilmu secara mendalam. Di dalam Islam, perkataan ini diistilahkan dengan lafaz “al-fiqh” (الفقه) yang membawa maksud kefahaman.³⁸

2.2.3 Definisi Syariah

Perkataan syariah berasal daripada Bahasa Arab, *sya-ra-‘a*. ia mempunyai dua pengertian, iaitu pertama, jalan yang lurus dan jalan yang menyampaikan kepada air.³⁹ Kedua ia bermaksud sumber air yang digunakan untuk menyiram tanaman.⁴⁰

Perkataan ini turut digunapakai di dalam al-Qur’an al-Karim. Ini dapat diperhatikan dalam firman Allah SWT, di dalam surah al-Jathiah, ayat ke-18 bermaksud::

“Kesudahannya Kami jadikan engkau (wahai Muhammad dan utuskan engkau) menjalankan satu Syari’at (yang cukup lengkap) dari hukum-

36 Noresah Baharom et al. (eds.) (2005), Kamus Dewan. edisi 4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 516.

37 Ibid., h. 517.

38 Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid & Paizah Hj Ismail (2004), op.cit., h. 31.

39 Muhammad b. Ahmad al-Qurtubi (1996), al-Jami‘ li Ahkam al-Qur’an. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, juz. 6, h. 137.

40 Ibn Manzur (1994), Lisan al-‘Arab. c. 3, Beirut: Dar Sadir, juz 8, h. 175.

hukum agama; maka turutlah Syari'at itu, dan janganlah engkau menurut hawa natsu orang-orang yang tidak mengetahui (perkara yang benar)”.⁴¹

(al-Jathiah: 18)

Istilah Syariah pada asalnya adalah merujuk kepada keseluruhan ajaran yang terdapat di dalam Islam,⁴² iaitu segala ajaran yang diturunkan oleh Allah SWT sama ada berkaitan dengan persoalan akidah mahupun hukum amali.⁴³ Di samping itu juga, lafaz ini turut digunakan untuk merujuk kepada satu bentuk peraturan yang diturunkan oleh Allah SWT kepada umat manusia melalui perantaraan Rasulnya Muhammad SAW. Ia diturunkan di dalam bentuk wahyu,⁴⁴ iaitu sama ada al-Qur'an ataupun al-Sunnah. Kedua-duanya adalah wahyu yang memiliki sifat kebenaran yang mutlak dan segala yang ada di dalamnya adalah bersifat abadi, komprehensif dan universal.

Di dalam usaha untuk memahami kehendak dan tuntutan kedua-dua wahyu tersebut, akal akan memainkan peranan yang begitu penting. Segala kehendak, tuntutan, larangan, tegahan dan pengajaran yang terkandung di dalam kedua-dua jenis wahyu tersebut akan difahami dan seterusnya dilaksanakan dan diaplikasikan di dalam kehidupan harian seorang mukallaf. Di dalam persoalan ini, para fuqaha'

41 Sheikh Abdullah Basmeih (1982) Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h. 1336.

42 Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid (1997), op.cit., h. 1.

43 'Umar Sulayman al-Asyqar (1991), Khasa'is al-Syari'ah al-Islamiyyah. c. 3, Beirut: Dar al-Nafa'is, h. 12.

44 Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid (1997), op.cit., h. 5.

menyatakan bahawa Syariat Islam adalah segala peraturan yang telah ditentukan oleh Allah SWT ke atas umat manusia melalui RasulNya Muhammad SAW.⁴⁵

Manakala istilah “Syariah” jika dilihat daripada konteks pengajian hukum Islam, ia lebih membawa maksud sebagai apa sahaja sistem tentang hidup, sama ada yang ditentukan oleh Allah melalui para Nabinya, ataupun segala sistem yang dicipta oleh manusia itu sendiri.⁴⁶

2.2.4 Pengertian Metodologi Pengajian Syariah

Setelah membincangkan tentang pengertian ketiga-tiga perkataan tersebut, iaitu; (i) Metodologi yang membawa maksud sistem atau prinsip yang digunakan di dalam melakukan sesuatu kegiatan, disiplin dan sebagainya,⁴⁷ (ii) Pengajian ataupun di dalam Islam lebih dikenali dengan istilah fiqh yang bermaksud proses pemahaman yang melibatkan usaha dan aktiviti penyelidikan dan kajian yang dilakukan secara mendalam dan terperinci, dan (iii) Syariah merujuk kepada himpunan ilmu-ilmu islam yang terkandung di dalam nas-nas al-Qur’an dan al-Sunnah dapatlah kita membuat kesimpulan bahawa metodologi Pengajian Syariah itu adalah satu bentuk pengajian yang amat menitikberatkan di dalam perbincangannya mengenai dua jenis wahyu yang menjadi asas kepada syariah itu, dan juga peranan akal di dalam memahami kedua-dua wahyu tersebut.

45 Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid (1997), *op.cit.*, h. 2.

46 Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid (2004), *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 1.

47 Noresah Baharom et al. (eds.) (2005), *op.cit.*, h. 887.

Ringkasnya, dalam pengertiannya yang asal, pengajian syariah ini merangkumi kefahaman terhadap keseluruhan ajaran yang terdapat di dalam Islam. Oleh yang demikian, Pengajian Syariah ini tidak akan terlepas daripada usaha dan aktiviti yang diperlukan untuk memahami kedua-dua jenis wahyu yang menjadi asas kepada pembentukan syariah Islam itu sendiri, iaitu al-Qur'an al-Karim dan al-Sunnah al-Nabawiyah yang menyentuh persoalan kehidupan manusia dalam lingkungan yang amat luas.

Walau bagaimanapun, keluasan pengertian istilah syariah ini telah menjadi kecil dan sempit. Ia hanya menyentuh persoalan-persoalan ibadat dan tingkah laku individu Muslim sahaja apabila berlaku pendisiplinan ilmu di dalam Islam terutamanya pada zaman kerajaan Bani Abbasiyah.⁴⁸

Pada zaman pemerintahan kerajaan inilah bermulanya pendisiplinan ilmu di dalam Islam. Keadaan ini begitu ketara sekali apabila wujudnya berbagai pengkhususan ilmu di dalam Islam, contohnya seperti ilmu Tauhid, ilmu Kalam, ilmu Akhlak, ilmu Tasawuf dan sebagainya. Setiap bidang pengkhususan menggunakan nama dan istilah yang tersendiri bagi membezakannya dengan jurusan dan bidang ikhtisas yang lain.

Bermula dari saat inilah, istilah fiqh tidak lagi digunakan bagi merujuk kepada suatu konsep yang luas, tetapi ia hanya merujuk kepada bidang dan jurusan yang hanya berkaitan dengan amalan dan tingkah laku individu Islam sahaja dan tidak lebih daripada itu. Dengan berasaskan kepada pengertian yang sempit ini, Pengajian Syariah pada hari ini adalah merujuk kepada pengajian tentang ajaran

48 Fadzlullah Hj. Shuib (1996), *Kecemerlangan Ilmu Dalam Sejarah dan Tamadun Islam: Penginstitusian Ilmu di Zaman Abbasiyah 750-1258 M.* Kuala Lumpur: Pustaka Warisan.

Islam yang berkaitan dengan kehidupan amali seseorang manusia ataupun lebih mudah disebut sebagai pengajian Sains Sosial Islam.

Di dalam ilmu Sains Sosial Islam ini, ia hanya merangkumi persoalan perundangan, politik, ekonomi, jenayah, pentadbiran, pengurusan, perdagangan, perhubungan sosial, kekeluargaan, kemasyarakatan dan sebagainya. Di samping turut menyentuh persoalan ibadat, iaitu tingkah laku manusia sebagai hamba dan juga persoalan pengabdian diri kepada Allah SWT.⁴⁹

2.3 ASAS PENGAJIAN SYARIAH

Pengajian Syariah adalah berasaskan kepada dua sumber utama, iaitu wahyu dan akal manusia. Kedua-dua asas ini tidak boleh dipisahkan di antara satu sama yang lain.

Wahyu sebagai asas yang pertama adalah merujuk kepada al-Qur'an dan al-Sunnah. Ia mempunyai kebenaran yang mutlak dan bersifat *muqaddas*,⁵⁰ iaitu sangat murni dan tidak mengandungi sebarang cacat cela, tanpa sebarang syarat, dan kandungannya syumul, iaitu lengkap dan komprehensif, alami dan kekal buat selama-lamanya,⁵¹ dan keduanya pemahaman para fuqaha' terhadap kedua-dua wahyu tersebut.⁵²

49 Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid (1997), op.cit., hh. 1-3.

50 Mahmood Zuhdi Hj Ab. Majid & Paizah Hj Ismail (2004), op.cit., h. 36.

51 Abdul Karim Ali & Raihanah Hj. Azahari (2001), Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun. Kuala Lumpur: Unit Penerbitan Akademi Pengajian Islam, h. 3.

52 Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid & Paizah Hj Ismail (2004), op.cit., h. 36.

Di dalam persoalan ini, kedua-dua sumber syariah tersebut amat memerlukan akal untuk memahami segala pengertian dan kehendaknya sebelum ia boleh dikuatkuasakan di dalam kehidupan manusia.⁵³ Walau bagaimanapun, pemahaman para fuqaha' terhadap kedua-dua nas tersebut secara tabi'inya akan sering mengalami perubahan seiringan dengan perkembangan ilmu dan nilai intelektual dan keadaan semasa dan setempat bila dan di mana pengajian itu dilakukan.

Walaupun begitu, kelonggaran yang diberikan kepada akal untuk memahami dan menafsirkan nas-nas tersebut masih mempunyai had dan batasan yang tertentu. Ia tidak boleh ditafsirkan dan difahami dengan sewenang-wenangnya tanpa merujuk terlebih dahulu dan seterusnya mengikuti garis-garis panduan dan had-had batasan yang telah ditetapkan seperti mana yang terdapat di dalam wahyu.

Jalinan perhubungan yang rapat di antara wahyu dan akal serta kefahaman terhadap wahyu tersebut telah melahirkan satu perhubungan yang cukup unik dan serasi, dan perhubungan yang begitu intim inilah yang menjadikan pengajian syariah ini menjadi sentiasa mantap dan terus berkembang walau di mana dan pada bila masa pun ia dipelajari.⁵⁴

2.4 OBJEKTIF PENGAJIAN SYARIAH

Setiap disiplin ilmu mempunyai objektif yang tersendiri. Objektif tersebut akan menyediakan jawapan bagi persoalan kenapa dan mengapa disiplin pengajian

53 Abdul Karim Ali & Raihanah Hj. Azahari (2001), *op.cit.*, h. 3.

54 Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid & Paizah Hj Ismail (2004), *op.cit.*, h. 36.

tersebut dipelajari. Bagi pengajian syariah ini contohnya, ia lebih menumpukan kepada pembangunan insan ke arah yang lebih baik di dunia dan akhirat.

Ringkasnya, pengajian syariah ini bukanlah hanya semata-mata untuk menentukan mana perkara yang halal dan mana yang haram sahaja, malah pengajian ini sebenarnya mempunyai objektif yang lebih besar daripada itu, iaitu untuk membangunkan dan melahirkan generasi masyarakat manusia yang mencintai dan seterusnya menegakkan kebenaran dan keadilan agar sebuah kehidupan yang lebih baik dapat dikecapi sama ada di dunia ataupun di akhirat.⁵⁵

Memandangkan objektif yang sebegini besar dan luas, adalah tidak wajar sekiranya pengajian syariah ini bersifat statik, beku dan jumud, malah ia perlu bersifat progresif dan proaktif sebagai persediaan dan persiapan untuk berhadapan dengan realiti kehidupan manusia semasa yang sentiasa berubah menurut peredaran zaman dan juga perkembangan daya keintelektualan manusia.⁵⁶

2.5 RUANG LINGKUP PENGAJIAN SYARIAH

Ruang lingkup pengajian ini amat luas sekali. Ia akan sentiasa berkembang dari semasa ke semasa mengikut keperluan masyarakat dan pengajian itu sendiri. Ini

55 Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid (2001), “Pengajian Syariah: Satu Pentakrifan”, dalam Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid (ed.), *Dinamisme Pengajian Syariah*. Kuala Lumpur: APIUM, h. 3.

56 Ibid., h. 3.

dapat diperhatikan daripada perkembangan yang dialami oleh pengajian syariah ini yang bermula daripada pembacaan dan pemahaman isi kandungan al-Qur'an. Kemudian, hadis-hadis Rasulullah SAW diperlukan bagi mentafsir dan memperjelaskan lagi apa-apa yang tidak dapat difahami secara langsung daripada al-Qur'an dan juga pemahaman yang berbeza di antara para pengkaji mengenainya.

Di samping itu, ruang lingkup pengajian syariah ini turut merangkumi beberapa ilmu yang lain seperti ilmu bahasa dan sastera, ilmu alam, ilmu bintang, ilmu hadis, ilmu tafsir, ilmu moden dan beberapa ilmu yang lain.⁵⁷ Ringkasnya, ruang lingkup pengajian ini meliputi keseluruhan aspek di dalam kehidupan manusia. Ia akan terus berkembang dari masa ke masa mengikut keperluan dan peredaran masa di mana pengajian itu dipelajari.

2.6 KEDATANGAN ISLAM DAN HUBUNGANNYA DENGAN PENGAJIAN SYARIAH

⁵⁷ Ibid., hh. 37-38.

Masyarakat Islam di mana pun mereka berada, mempunyai institusi pendidikannya yang tersendiri kerana agama Islam merupakan agama yang menyeluruh dan meliputi semua aspek kehidupan dunia dan akhirat.⁵⁸

Pengajian dan pendidikan Islam di Malaysia bermula semenjak Islam mula bertapak di tanah Melayu semenjak lima kurun yang lalu.⁵⁹ Lantaran itu, sejarah pengajian syariah di Malaysia turut bermula seiringan dengan ketibaan dakwah Islamiah ke negara ini. Penerimaan dan sambutan yang diberikan oleh masyarakat tempatan terhadap gerakan dakwah Islamiah tersebut turut menjadi faktor utama perkembangan pengajian ini. Sejak dari tarikh itu, gerakan dakwah Islamiah telah dijalankan secara bersungguh-sungguh oleh para pendakwah dan mubaligh awal Islam.⁶⁰

Berkaitan dengan gerakan dakwah ini, para sarjana tempatan dan luar berpendapat bahawa perkembangan gerakan dakwah Islamiah di negara ini adalah berteraskan kepada dua pendekatan ataupun aliran utama; (1) Penyebaran ala sufisme yang bersifat terbuka, mesra budaya dan mementingkan ilmu pengetahuan, dan (2) Kaedah fuqaha dan reformisme yang lebih menekankan soal-soal apa yang dibenarkan dan apa yang tidak dibenarkan menurut pandangan Islam (halal dan haram).

58 Wan Mohd Nor Wan Daud (1995), *Penjelasan Budaya Ilmu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 105.

59 Hasyim Abdullah et al. (1998), *Perspektif Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Media Universiti Malaya, h. 18.

60 Abdullah Ishak (1990), *Islam Di Nusantara Khususnya Di Tanah Melayu*. Selangor: Al-Rahmaniah, h. 165.

Walau bagaimanapun, usaha pengislaman masyarakat Alam Melayu yang dilakukan oleh golongan sufi (aliran sufisme) dilihat lebih meninggalkan kesan dan memberi impak yang besar kepada masyarakat Alam Melayu ini berbanding dengan gerakan dan pendekatan yang diambil oleh golongan fuqaha' dan juga reformisme. Hal ini adalah disebabkan pendekatan yang digunakan oleh kedua aliran ini (golongan fuqaha' dan reformisme) rata-ratanya agak keras pendekatannya, dan tidak diterima oleh kalangan penduduk Alam Melayu.⁶¹

Berhubung dengan tarikh sebenar bilakah gerakan dakwah Islamiah tersebut dibawa masuk ke negara ini, pengkaji tidak dapat untuk menentukan tarikh yang sebenarnya. Hal ini adalah disebabkan para ahli sejarah sendiri masih belum menemui kata pemutus di dalam menentukannya. Namun begitu, mereka merasakan bahawa gerakan dakwah Islamiah tersebut tiba ke rantau Nusantara adalah di sekitar abad ke-13 dan 14 Masihi.⁶²

Sehubungan dengan itu, pengkaji merasakan pendapat para sejarawan tempatan adalah lebih tepat, logik dan ada kebenarannya. Mereka berpendapat bahawa gerakan dakwah Islamiah telah tiba di rantau Nusantara ini terutamanya di Sumatera (Indonesia) adalah pada tarikh yang lebih awal lagi daripada tarikh tersebut. Mereka mendakwa gerakan dakwah ini telah tiba di kawasan Sumatera ini sejak dari abad yang pertama Hijrah lagi (di sekitar abad ke-7 atau ke-8 Masihi).

61 Rahimin Affandi Abdul Rahim (2002), "Adat dan Kesenian Melayu : Satu Tafsiran dari Perspektif Islam", (Kertas kerja Seminar Adat dan Kesenian Melayu Mengikut Perspektif Islam, anjuran Institut Seni Malaysia Melaka (ISMMA), Melaka).

62 Abdul Halim El-Muhammady (1982), Pengaruh Madhhab Shafii Dan Masalah Kaum Muda Di Malaysia. Kuala Lumpur: Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah, h. 1.

Manakala di Semenanjung Malaysia pula seawal-awalnya adalah di sekitar abad ke-9 Masihi, dan selewat-lewatnya pula pada abad ke-12 atau ke-13 Masihi.⁶³

Demikianlah pendapat yang dikemukakan oleh para sejarawan tempatan. Mereka berpendapat seperti itu setelah mereka melakukan kajian, merujuk dan meneliti segala fakta-fakta sejarah yang berkaitan, sama ada yang terdapat di Malaysia ataupun yang terdapat di negara-negara yang lain di sekitar Nusantara ini.

Kesimpulannya, pengkaji merasakan pendapat yang diutarakan oleh para sejarawan tempatan adalah pendapat yang paling kuat berbanding dengan pendapat-pendapat sejarawan yang lain. Di samping itu, pendapat ini juga dibuat adalah secara koleksi dan bukan secara individu. Tambahan pula, pendapat tersebut dikeluarkan tanpa didorong oleh sebarang motif dan juga kepentingan yang tertentu.⁶⁴

Mengenai teori kemasukan Islam ke negara ini pula, terdapat sebanyak tiga teori telah dikemukakan oleh para sejarawan; pertama, dari Tanah Arab, kedua, dari India, dan ketiga, dari China Dan Champa⁶⁵. Ketiga-tiga teori ini telah dikemukakan dengan hujah-hujah dan alasan-alasan yang tersendiri bagi menyokong teori-teori tersebut.

Walau bagaimanapun, di dalam kajian ini pengkaji merasakan adalah tidak perlu untuk membincangkan hujah-hujah dan alasan-alasan tersebut, kerana ia bukan

63 Abdullah Ishak (1995), Pendidikan Islam Dan Pengaruhnya Di Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hh. 123-124.

64 Abdullah Ishak (1990), op.cit., h. 52.

65 Abdullah Jusoh (1990), Tamadun Islam Di Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hh. 59-70.

menjadi matlamat dan objektif kepada kajian ini. Walaupun begitu, mengenai persoalan kedatangan dan kemasukan gerakan dakwah Islamiah ke Malaysia adalah dirasakan perlu untuk dibincangkan sepintas lalu, kerana ia mempunyai hubungan yang amat rapat dengan kemunculan Pengajian Syariah dan pengenalannya kepada masyarakat di negara ini.

Berhubung dengan teori-teori kemasukan tersebut, pengkaji merasakan pendapat yang diutarakan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas yang mendakwa ajaran dan dakwah Islamiah ini dibawa masuk ke negara ini oleh pendakwah-pendakwah dari Tanah Arab adalah yang paling relevan dan ada kebenarannya.⁶⁶ Hal ini dapat dibuktikan dengan alasan-alasan dan hujah-hujah yang telah dikemukakan olehnya, yang mana kesemuanya mempunyai hubungan dan pertalian yang rapat bagi menggambarkan bahawa ajaran agama ini dibawa oleh pendakwah-pendakwah yang berasal dari Timur Tengah (Tanah Arab) dan bukan dari tempat yang lain.

Antara hujah-hujah beliau yang dapat pengkaji nyatakan di sini ialah; kefahaman agama yang dibawa oleh para pendakwah itu adalah bersifat Timur Tengah, kandungan dan cara penghuraian akidah, pelbagai mazhab ilmu Tasawuf, bentuk tulisan Jawi dan corak beberapa huruf-hurufnya, nama gelaran bagi hari-hari mingguan yang digunakan oleh penduduk tempatan, begitu juga dengan cara melafazkan al-Qur'an dan beberapa perkara yang lain. Kesemuanya memperlihatkan ciri-ciri tegas bangsa Arab.

66 Syed Muhammad Naquib al-Attas (1990), *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia.

Pada umumnya, selepas ketibaan dan tersebarnya dakwah islamiah di Malaysia, agama ini telah membawa perubahan yang amat besar kepada masyarakat Melayu. Antara kejayaan besar yang telah dicapai oleh gerakan dakwah Islamiah di negara ini ialah kejayaan merubah sikap dan konsepsi masyarakat ini terhadap pegangan agama, kebudayaan dan juga ilmu pengetahuan. Penyebaran Islam secara meluas pada abad ke-14M dan ke-15M mempunyai beberapa implikasi. Pengembangan dakwah Islam yang seiring dengan budaya ilmu mencetuskan revolusi terhadap cara hidup masyarakat tempatan. Sistem pendidikan secara teratur telah ditubuhkan yang mana bermula di rumah ulama, kemudiannya berkembang di surau dan masjid, pondok dan madrasah.⁶⁷

Selain dari itu, kedatangan dakwah islamiah ke negara ini juga turut berjaya menyemai semangat nasionalisme dan intelektualisme kepada masyarakat tempatan. Malahan ia nampak lebih bermakna dan begitu besar sekali kesannya apabila kedua-dua perasaan dan semangat tersebut berjaya disemai dan disuntik bukan sahaja kepada rakyat biasa, malah kepada golongan yang berada di istana (pemerintah) juga turut dipengaruhi. Perasaan cinta terhadap agama dan inginkan ilmu pengetahuan serta pendidikan Islam telah benar-benar mempengaruhi jiwa penduduk di negara ini terutamanya golongan Raja-raja Melayu.⁶⁸

Ringkasnya, serentak dengan kedatangan Islam, ilmu pengetahuan mula diperkenalkan kepada masyarakat di negara ini. Pendakwah-pendakwah dan mubaligh-mubaligh yang menyebarkan ajaran Islam telah memainkan peranan yang

67 Amran Kasimin (1991), *Religion and Social Change Among the Indigenous People of the Malay Peninsula*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 174.

68 Abdullah Ishak (1995), *op.cit.*, h. 127.

penting di dalam memperkenalkan sistem pendidikan dan pengajian Islam kepada penduduk tempatan. Usaha mereka ini terbukti dengan kewujudan kelas-kelas dan kuliah-kuliah yang menawarkan pengajaran tentang ilmu-ilmu Islam.

Pada peringkat awalnya, kelas-kelas dan kuliah-kuliah tersebut hanya diadakan di istana-istana, rumah-rumah, masjid- masjid dan juga surau-surau⁶⁹ sebelum dipindahkan ke tempat yang lebih khusus (sekolah atau madrasah) pada peringkat berikutnya. Dalam sejarah Islam, institusi pendidikan awal bermula berbentuk *halaqah*,⁷⁰ iaitu di rumah persendirian seperti rumah Nabi SAW sendiri atau rumah pengikut Baginda seperti rumah al-Arqam b. Abi al-Arqam yang dikenali sebagai Dar al-Arqam.⁷¹ Sebelum wujudnya sistem persekolahan yang teratur di Tanah Melayu, Pendidikan Islam berlangsung di rumah imam atau guru.⁷² Mereka adalah golongan yang berkebolehan dan mahir dalam bidang agama serta menjadi tumpuan untuk proses sosialisasi kanak-kanak dan orang dewasa berasaskan ajaran Islam. Pada peringkat awal, imam atau guru terdiri daripada mereka yang datang dari negara Arab, Parsi, India dan lain-lain. Ini bermakna bahawa pendidikan tersebut merupakan pendidikan rasmi di peringkat awal. Pendidikan rasmi untuk kanak-kanak Melayu bermula sejak mereka berumur enam tahun di kelas al-Qur'an. Di situ mereka diajar oleh imam tentang cara bersopan santun, membaca doa dan mengaji al-Qur'an.⁷³

69 Abdullah Ishak (1990), op.cit., h. 166.

70 H. Samsul Nizar (2007), Sejarah Pendidikan Islam. Jakarta: Kencana, h. 111.

71 Fadzlullah Hj. Shuib (1996), op.cit., h. 110.

72 Abdullah Ishak (1995), op.cit., h. 131.

73 Abdullah Jusoh (1990), op.cit., hh. 5-6.

Sistem pendidikan dan pengajian Islam yang telah diperkenalkan tersebut boleh dibahagikan kepada dua peringkat, yang mana kedua-duanya mempunyai sukatan kurikulum yang berbeza. Pada peringkat awal, ia lebih menekankan kepada pembacaan, penulisan, pengajian al-Qur'an, bahasa Arab dan ilmu-ilmu asas agama Islam yang lain, dan pada peringkat pengajian yang berikutnya, iaitu bagi peringkat yang lebih tinggi, ia lebih menekankan ilmu Fiqh, Tauhid, Tasawuf, sejarah Islam dan juga beberapa ilmu-ilmu yang lain. Pada peringkat ini (peringkat tinggi), pendidikan dan pengajian yang diberikan adalah secara lebih mendalam dan komprehensif.⁷⁴

Proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di rumah guru biasanya dijalankan selepas sembahyang Subuh, Zuhur atau Maghrib. Melalui penghafalan serta kemahiran mengenal huruf, seseorang murid dapat membaca al-Qur'an untuk membolehkannya mendirikan sembahyang dengan sempurna. Justeru, para pelajar diajar mengenali huruf jawi sebagai panduan untuk membaca al-Qur'an.⁷⁵

Kesungguhan usaha dakwah mereka bukanlah terhenti hanya pada menyampaikan dakwah Islamiah dan beberapa ilmu pengetahuan Islam sahaja, malah mereka turut memperkenalkan kepada masyarakat tempatan satu bentuk

74 Abdullah Ishak (1995), *op.cit.*, h. 166.

75 Muhammad Abdul Rauf (1964), *A Brief History of Islam: With Special Reference to Malaya*. Kuala Lumpur : Oxford University Press, hh. 96-97.

tulisan yang baru, iaitu tulisan jawi.⁷⁶ Tulisan ini merupakan campuran daripada huruf Arab, Parsi dan juga Barbar.

Tujuan tulisan ini diperkenalkan kepada masyarakat di negara ini terutamanya para pelajar adalah untuk memudahkan lagi proses pembelajaran dan pengajaran yang hendak disampaikan. Selain dari itu, ia juga dapat mempermudah lagi pembelajaran dan pembacaan al-Qur'an, di samping dapat memastikan sebutan dan lafaz yang hendak disebut bersesuaian dan bertepatan dengan fonem atau makhraj huruf (bunyi huruf) seperti mana dalam kalimah Arab.⁷⁷

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, pengkaji turut merasakan bahawa sistem pendidikan Islam yang diperkenalkan kepada penduduk di negara ini adalah saling tidak ubah sama seperti pengajian dan pembelajaran yang pernah dilakukan pada zaman Rasulullah SAW, para Sahabat dan juga para Tabi'in. Malahan dakwaan ini dikuatkan lagi dengan melihat kepada mata pelajaran dan kurikulum yang ditawarkan di dalam sistem pendidikan yang diperkenalkan di negara ini saling tidak tumpah sama seperti ketiga-tiga zaman tersebut, iaitu lebih menekankan tentang kemahiran pembacaan, penulisan, pengajian bahasa Arab, pengajian al-Qur'an dan juga ilmu-ilmu mengenai asas agama Islam itu sendiri.

Begitu juga pada peringkat pengajian yang lebih tinggi, ia masih mengekalkan pengajian dan pembelajaran yang pernah dilakukan pada ketiga-tiga

76 Harun Mat Piah et.al (eds.) (2000), *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. e. 2, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 37.

77 Ibid., h. 82.

zaman tersebut. Walau bagaimanapun, pada peringkat ini, ilmu yang disampaikan adalah lebih mendalam dan komprehensif.⁷⁸

Sistem pendidikan dan pengajian ilmu-ilmu Islam yang telah diperkenalkan tersebut telah membawa banyak perubahan kepada penduduk di negara ini. Ia telah berjaya membebaskan masyarakat Melayu daripada penyakit buta huruf dan juga telah merubah suasana serta budaya hidup masyarakat ini. Sekiranya dahulu, iaitu sebelum kedatangan dakwah Islamiah ke negara ini, segala urusan kehidupan, pentadbiran, perniagaan dan segala urusan perhubungan dilakukan hanya menggunakan lisan sahaja tanpa sebarang dokumen atau catatan. Namun setelah munculnya sistem pendidikan Islam, segala aktiviti dan urusan tersebut telah dilakukan secara bertulis. Tulisan jawi telah berfungsi sebagai perantara dan memenuhi keperluan semasa di zaman ini.

Demikianlah usaha dakwah yang telah dilakukan oleh pendakwah-pendakwah dan mubaligh-mubaligh Islam di dalam menyebarkan ajaran agama Islam di negara ini. Bermula dengan memperkenalkan satu bentuk pengajian (sistem pendidikan), memperkenalkan tulisan jawi, menghapuskan penyakit buta huruf dalam masyarakat Melayu, memperkenalkan beberapa ilmu pengetahuan yang lain dan lain-lain lagi.

Akhirnya, apa yang dapat pengkaji simpulkan di sini dengan berasaskan kepada perbincangan di atas ialah dakwah Islamiah telah berjaya merubah sikap dan

⁷⁸ Abdullah Ishak (1990), *op.cit.*, h. 166.

konsepsi masyarakat Melayu terhadap pegangan agama, kebudayaan dan juga ilmu pengetahuan.

2.7 KESIMPULAN

Kedatangan Islam seiring dengan budaya ilmunya telah mengubah bentuk masyarakat Alam Melayu. Perkembangan ilmu pengetahuan di kalangan masyarakat tempatan dilihat begitu rapat sekali dengan kegiatan dakwah Islamiah. Perhubungan yang rapat ini adalah berpunca daripada keadaan agama Islam dan ilmu pengetahuan itu sendiri yang mana keduanya merupakan dua elemen yang amat rapat, malah ilmu dan iman juga adalah dua perkara atau kriteria yang saling lengkap melengkapi, pengaruh mempengaruhi dan saling berinteraksi di antara satu sama yang lain.

Selain dari itu, ilmu pengetahuan juga berperanan sebagai satu jalan untuk memantap dan mencapai tahap keimanan yang kamil (sempurna) di dalam diri seseorang individu Muslim. Ia juga berperanan sebagai satu alat pengukur kepada tahap ketakwaan seseorang Muslim kepada Allah SWT.

Berdasarkan kepada rintitan sejarah sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini, jelas kepada kita bahawa perkembangan pengajian syariah di Negara ini adalah bermula daripada usaha para pendakwah islam yang membuka kelas-kelas pengajian Al-Qur'an di rumah mereka, kemudiannya berkembang di surau dan masjid, pondok dan seterusnya di madrasah.

Pengajian Syariah di Malaysia terus mengalami perkembangan, bermula dari kelas-kelas pengajian Al-Qur'an dan juga fardu ain yang diadakan dalam kumpulan-kumpulan yang kecil sehinggalah pada hari ini ia telah bertapak di pusat-pusat pengajian tinggi baik di IPTA mahupun di IPTS. Malahan pada hari ini pengajian ilmu islam telah mula mendapat tempat dengan munculnya Institut Pengajian Tinggi Islam yang khusus menawarkan pengajian ilmu Islam sepenuhnya seperti MARSAH, UIA, UNIZA, KISDAR, KUIS dan beberapa kolej pengajian yang lain.

BAB 3: PENGAJIAN SYARIAH DI MARSAH

3.1 PENGENALAN

Pengkaji membahagikan bab ini kepada dua bahagian; (1) Bahagian Pertama: Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH), dan (2) Bahagian Kedua: Pengajian Syariah Di Jabatan Syariah, MARSAH.

Di dalam bahagian yang pertama, pengkaji lebih menekankan tentang pengenalan mengenai kolej ini. Ia berkisar tentang; Sejarah Penubuhan MARSAH, Lokasi MARSAH, Logo MARSAH, Falsafah MARSAH, Objektif, Visi dan Misi penubuhan MARSAH, Fakulti/Jabatan Dan Program yang Ditawarkan, Syarat-Syarat Kemasukan Ke MARSAH dan seterusnya Struktur Organisasi MARSAH.

Di dalam bahagian yang kedua pula, pengkaji akan lebih mengkhususkan penerangan mengenai Pengajian Syariah di Jabatan Syariah di kolej ini. Ia merangkumi penerangan mengenai; Jabatan Syariah Di MARSAH, Metodologi Pengajian Syariah yang digunakan, Objektif Pengajian Syariah Yang Hendak Dicapai, Tenaga Pengajar, Kurikulum Pelajar Di Jabatan, Sukatan Pelajaran, Skop Mata Pelajaran, Bahan Rujukan, Bahan Pengajaran, Penasihat Akademik, Keadaan Bilik Kuliah, Kaedah Pengajaran, Sistem Penilaian Akademik Pelajar, Ko-Kurikulum dan juga mengenai Penyelidikan dan Penerbitan Ilmiah yang telah dijalankan dan diterbitkan oleh jabatan ini. Di akhir bahagian kedua ini, pengkaji

akan membuat kesimpulan mengenai metodologi pengajian syariah yang digunakan di MARSAH.

Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan untuk melihat sejauh manakah perkembangan yang dialami oleh Pengajian Syariah pada hari ini di negara ini terutamanya di MARSAH. Di samping itu juga, melalui kajian ini pengkaji turut ingin meninjau bagaimanakah perkembangan metodologi Pengajian Syariah yang dilaksanakan dan diaplikasikan di Kolej tersebut. Adakah ia masih mengekalkan pendekatan tradisi atau telah mengubah corak pendekatan seiring dengan peredaran masa kini agar golongan pelajar yang mempelajari bidang syariah ini tidak ketinggalan dalam mengikuti perkembangan arus perdana.

3.2 LATAR BELAKANG KOLEJ PENGAJIAN ISLAM JOHOR (MARSAH)

3.2.1 Latar belakang Penubuhan

MARSAH atau nama penuhnya Markaz al-Dirasat al-Islamiah Wa al-Arabiah, merupakan salah sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang terdapat di negeri Johor Darul Takzim.

Penubuhan MARSAH bermula apabila sekumpulan guru-guru kanan Ma'ahad Johor (1997) seramai 3 orang, iaitu Ustaz Hj Md Khudzairi bin Hj Jabar (Pengetua), Datin Rohana binti Mohd Yassin dan Ustaz Mohamed Salleh bin

Sanwan (Penolong Kanan II) mendapat maklumat mengenai pengiktirafan yang telah diberikan oleh Universiti al-Azhar al-Syarif, Mesir kepada sebuah institusi pengajian tinggi yang terdapat di negeri Kedah Darul Aman iaitu INSANIAH, yang mana institusi tersebut diberikan hak untuk mengadakan program pengajian berkembar dengan universiti ini. Pengiktirafan ini merupakan hasil daripada perjanjian persefahaman yang telah dimeterai diantara Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman dan Universiti al-Azhar al-Syarif.

Pengajian yang dijalankan di INSANIAH merupakan satu bentuk pengajian berkembar dengan universiti tersebut terutamanya dalam bidang Syariah Islamiah, Usuluddin dan juga Bahasa Arab. Selepas graduan-graduan yang menuntut di INSANIAH menghabiskan sesi pengajian mereka di institusi ini, mereka akan menyambung pengajian mereka di Universiti al-Azhar di Mesir bagi menghabiskan baki tempoh pengajian mereka selama setahun sebelum layak dianugerahkan diploma dalam bidang pengajian yang diambil.⁷⁹

Berikutan daripada pengiktirafan tersebut, ia telah menyebabkan guru-guru kanan Ma'ahad Johor tersebut teruja dan mencetuskan idea mereka untuk mengusulkan cadangan agar ditubuhkan sebuah institusi pengajian tinggi seumpama INSANIAH di negeri Johor. Hal ini berikutan daripada keperluan yang difikirkan perlu akibat daripada keadaan pelajar-pelajar tempatan yang menuntut di Universiti al-Azhar al-Syarif, Mesir yang sering berhadapan dengan beberapa masalah yang biasa dihadapi oleh pelajar asing di universiti tersebut, terutamanya masalah di dalam

79 Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH), Dalil Akademik Kuliah Syariah Islamiah, 2007/2008.

kaedah pengajian yang digunakan di universiti tersebut dan juga masalah penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar tempatan yang kebanyakannya agak lemah.

Kedua-dua masalah tersebut telah meninggalkan kesan yang besar kepada para pelajar tempatan, sehingga telah menyebabkan peratus kelulusan mereka merosot. Akibat dari situasi tersebut, keadaan dan situasi yang dialami oleh para pelajar tempatan di universiti tersebut perlu dinilai dan diberi perhatian dengan sewajarnya supaya masa depan pelajar-pelajar tempatan yang menuntut di universiti tersebut terbela.

Lantaran dari itu, pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ) telah mengambil inisiatif dari penubuhan INSANIAH dan pengiktirafan yang diberikan kepadanya oleh Universiti al-Azhar al-Syarif, dan telah mengundang Rektor Universiti al-Azhar, Prof Ahmad Omar Hashim untuk melawat Ma'ahad Johor.

Pada 15 Jun 1997, beliau dan rombongan dari Universiti al-Azhar al-Syarif telah bersetuju untuk melawat Ma'ahad Johor. Lawatan dan kunjungan rombongan dari Universiti al-Azhar al-Syarif ini telah memberi peluang kepada pihak Pendidikan Agama, Jabatan Agama Johor untuk mengemukakan permohonan untuk meningkatkan taraf pengajian di Ma'ahad Johor kepada pengajian yang berbentuk kuliah dengan mengadakan program kuliah berkembar dengan Universiti al-Azhar al-Syarif.⁸⁰

80 Ibid.

Permohonan yang dikemukakan tersebut telah mendapat respon yang positif daripada pihak Rektor Universiti al-Azhar. Respon yang diterima ini didapati mempunyai hubungan yang rapat dengan kelayakan yang telah dimiliki oleh Ma'ahad Johor sejak dari pertengahan tahun 1960-an lagi, di mana pelajar-pelajar lepasan Sijil Empat Thanawi dari maahad ini adalah layak untuk menyambung pelajaran mereka di Universiti al-Azhar al-Syarif, Mesir pada peringkat ijazah. Selain itu, kemudahan infrastruktur yang terdapat di kompleks Ma'ahad Johor juga turut menyumbang kepada kelulusan yang diberikan.⁸¹

Hasilnya, setelah menjalani beberapa prosedur yang tertentu, tertubuhlah MARSAH atau nama penuhnya Markaz Ad-Dirasat al-Islamiah Wa al-Arabiah.

3.2.2 Lokasi MARSAH

Kolej Pegajian Islam Negeri Johor (MARSAH) berada di daerah Johor Bahru, Johor darul Ta'zim. Kompleks bangunannya berada bersebelahan dengan Masjid Sultan Abu Bakar, Kompleks Islam Johor Baru dan juga berhadapan dengan Taman Istana Johor Baru.

3.2.3 Falsafah Dan Matlamat MARSAH

(i) Falsafah MARSAH

Paduan ilmu yang berasaskan al-Qur'an dan al-Sunnah adalah dasar utama bagi perkembangan fikiran, kemajuan masyarakat dan ummah.⁸²

⁸¹ Ibid.

⁸² Ibid.

(ii) Matlamat MARSAH

Kolej ini bermatlamatkan untuk melahirkan ilmuan muslim mukmin yang berketrampilan dalam pelbagai bidang ilmu Islam yang memiliki jiwa kehambaan dalam melaksanakan tugasnya sebagai khalifah Allah untuk memakmurkan dunia menurut apa yang diredhaiNya.⁸³

3.2.4 Objektif, Visi dan Misi Penubuhan MARSAH

(i) Objektif

Penubuhan kolej ini berasaskan kepada beberapa objektif yang tertentu:

1. Meningkatkan tahap pencapaian pendidikan dan pelajaran agama di negeri Johor dalam usaha membudayakan penghayatan ilmu melalui al-Qur'an dan al-Sunnah.
2. Mengeluarkan pelajar yang berketrampilan dan berkemampuan dalam bidang ilmiah selaras dengan kehendak pembangunan masyarakat yang seimbang dengan nilai-nilai iman dan akhlak mulia.
3. Mengeluarkan ahli cerdik pandai Islam yang berkemampuan dalam menangani permasalahan ummah dan cabaran-cabaran masa kini.
4. Menjalin hubungan kebudayaan dan ilmiah dengan institusi-institusi pengajian Islam dan bahasa Arab dalam usaha memelihara warisan penilaian Islam demi kemajuan agama, bangsa dan negara.

⁸³ Ibid.

5. Menjalankan penyelidikan dalam pelbagai bidang ilmu Islam dan menyebarkanluaskannya.
6. Memberi khidmat perundangan dan khidmat masyarakat dalam berbagai bidang perundangan Islam bagi menghayati Islam sebagai al-din.
7. Mempelopori pelbagai kaedah bagi meningkatkan penyebaran kefahaman mengenai Islam dengan menerbitkan berbagai bahan ilmiah di samping menjadi sumber rujukan bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan kefahaman Islam.⁸⁴

(ii) Visi

Menjadikan institut ini sebagai sebuah institusi pengajian tinggi Islam dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan.⁸⁵

(iii) Misi

Melahirkan ilmuan muslim mukmin dan mengembangkan dakwah Islamiah untuk kebahagiaan ummah.⁸⁶

3.2.5 Kuliah Dan Program Yang Ditawarkan

Secara dasarnya, terdapat empat kursus peringkat diploma dan satu kursus peringkat sijil, iaitu:

⁸⁴ Ibid.

⁸⁵ Ibid.

⁸⁶ Ibid.

- i. Diploma Tahfiz Wal Qira'at; melahirkan generasi Islam yang benar - benar faham dan mengetahui isi kandungan al-Qur'an.
- ii. Diploma Syariah Islamiyah; menekankan pengajian secara khusus tentang pengajian ilmu dan hukum hakam berkaitan dengan syariat Islam.
- iii. Diploma Usuluddin; pengukuhan prinsip Islam yang berkaitan dengan pemantapan akidah melalui akal fikiran yang logik.
- iv. Diploma Pendidikan Islam; kefahaman berkaitan dengan Pendidikan Islam kepada bakal guru-guru agama kerajaan negeri Johor.
- v. Sijil Kemahiran Bahasa Arab.⁸⁷

Jadual 3.2.5: Program Dan Tempoh Pengajian Di MARSAH

Bil.	Program Yang Ditawarkan	Tempoh Pengajian
1.	Kulliyyah Syariah al-Islamiah	3 tahun + setahun di al-Azhar
2.	Kulliyyah Usuluddin	3 tahun + setahun di al-Azhar
3.	Kulliyyah Tahfiz al-Qur'an - program kerjasama dengan Darul Quran, JAKIM	3 tahun
4.	Sijil Tahfiz wa al-Qira'at	1 tahun

3.2.6 Struktur Pengajian Di MARSAH

- i. Tempoh pengajian selama 3 tahun
- ii. Masa pembelajaran 6 jam sehari (8.00 pagi - 4.00 petang)
- iii. Hari-hari pembelajaran 5 hari seminggu (Isnin hingga Jumaat).⁸⁸

⁸⁷ www.maj.gov.my, 18 Feb. 2008.

3.2.7 Syarat-syarat Kemasukan Ke MARSAH

Setiap pelajar perlu memenuhi beberapa syarat tertentu sebelum diterima masuk ke kolej ini. Syarat-syarat kemasukannya seperti berikut:

1. Diploma Tahfiz al-Qur'an Wal Qiraat (JAKIM)

- * Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu, Bahasa Arab Tinggi atau Bahasa Arab Komunikasi, al-Qur'an dan al-Sunnah atau Pendidikan Syariah serta lulus Bahasa Inggeris.

ATAU

Memiliki sijil-sijil lain yang setaraf dengannya dan diiktiraf oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

- * Lulus Temuduga Khas peringkat MARSAH

2. Diploma Tahfiz al-Quran Marsah

- * Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya 3 kredit dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Arab Tinggi atau Bahasa Arab Komunikasi, al-Qur'an dan al-Sunnah atau Pendidikan Syariah.

ATAU

- * Memiliki sijil-sijil lain yang setaraf dengannya dan diiktiraf oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

3. Diploma Syariah Islamiah

- * Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan keputusan sekurang-kurangnya 3 kredit.

ATAU

- * Memiliki sijil-sijil lain yang setaraf dengannya dan diiktiraf oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.
- * Lulus mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Arab di peringkat SPM

3. Diploma Usuluddin

- * Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan keputusan sekurang-kurangnya 3 kredit.

ATAU

- * Memiliki sijil-sijil lain yang setaraf dengannya dan diiktiraf oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.
- * Lulus mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Arab di peringkat SPM.⁸⁹

89 Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH), Dalil Akademik Kuliah Syariah Islamiah, 2007/2008.

3.2.8 Yuran Pengajian

Jadual 3.2.8: Yuran Pengajian Di MARSAH

Bil.	Jenis Pembayaran	Harga
1.	Yuran Pendaftaran	RM 100.00 (sepanjang pengajian)
2.	Wang Hemat Diri	RM 100.00 (sepanjang pengajian)
3.	Takaful	RM 20.00 (setahun)
4.	Yuran Pengajian	RM 500.00 (setahun)
5.	Yuran Asrama	RM 500.00 (setahun)
6.	Yuran Peperiksaan	RM 100.00 (setahun)

3.2.9 Pinjaman Pendidikan

Pelajar MARSAH boleh membuat pinjaman atas tujuan pendidikan daripada dua badan di bawah ini:

1. Pinjaman daripada Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) bagi yang layak sahaja.
2. Pinjaman Tabung Pelajaran Tinggi Nasional (PTPTN).⁹⁰

3.2.10 Hala Tuju MARSAH

Pelajar yang lulus peperiksaan di tahun tiga akan menyambung pengajian ke Universiti al-Azhar, Mesir selama setahun dalam bidang yang berkenaan bagi memperolehi ijazah pertama.⁹¹

⁹⁰ www.maj.gov.my, 18 Feb. 2008.

⁹¹ Kolej Pengajian Islam Negeri Johor, Dalil Akademik Kuliah Syariah 2007/2008.

3.3 PENGAJIAN SYARIAH DI MARSAH

3.3.1 Kuliah Syariah Di MARSAH

Kuliah Syariah Islamiah merupakan salah satu daripada kuliah yang terdapat di kolej ini. Kuliah ini lebih mengkhususkan pengajian para pelajarnya di dalam pengajian ilmu-ilmu dan hukum hakam yang berkaitan dengan Syariat Islam. Mereka akan dianugerahkan dengan Diploma Syariah Islamiah apabila telah tamat pengajian nanti.

Namun begitu sebelum dianugerahkan diploma tersebut, setiap pelajar perlu menyelesaikan tempoh pengajian selama tiga tahun di kolej ini dan menyambung bakinya selama setahun lagi di Universiti al-Azhar di Mesir.

Ringkasnya, semua pelajar yang menuntut di kolej ini perlu menjalani proses pengajian selama tiga tahun di Malaysia, dan baki setahun lagi di Mesir barulah mereka dianugerahkan dengan “Diploma Syariah Islamiah”.⁹²

3.3.2 Visi Dan Misi Kuliah Syariah Islamiah

(i) Visi:

Untuk menjana modal insan yang berilmu, beramal dan berakhlak mulia.

(ii) Misi:

Untuk melahirkan ulama yang bertakwa dan berwawasan⁹³.

⁹² www.maj.gov.my, 18 Feb. 2008.

3.3.3 Falsafah Dan Objektif Kuliah Syariah Islamiah MARSAH

(i) Falsafah:

Kecemerlangan Ulama Asas Kesejahteraan Ummah⁹⁴.

(ii) Objektif:

1. Meninggikan tahap penghayatan al-Qur'an dan al-Sunnah.
2. Mengeluarkan pelajar yang berkemahiran dalam bidang ibadah merangkumi teori dan amali.
3. Melahirkan ulama yang cemerlang dalam bidang muamalat dan perundangan Islam.
4. Menjadi pakar rujuk dalam menyelesaikan masalah semasa dalam pelbagai aspek kehidupan.⁹⁵

3.3.4 Kelayakan Minimum

Setiap calon yang ingin memasuki kolej ini sekurang-kurangnya perlu memiliki:

1. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan keputusan sekurang-kurangnya 3 kredit ATAU
2. Memiliki sijil-sijil lain yang setaraf dengannya dan diiktiraf oleh Kementerian Pelajaran Malaysia DAN
3. Lulus mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Arab di peringkat SPM.⁹⁶

93 Kolej Pengajian Islam Negeri Johor, Dalil Akademik Kuliah Syariah 2007/2008.

94 Ibid.

95 Ibid.

3.3.5 Struktur Kursus Pengajian Diploma Syariah Islamiyah

Struktur pengajian diploma syariah merangkumi subjek yang khusus dari tahun satu hingga tiga, iaitu selama 6 semester. Ia dapat dilihat dalam jadual-jadual di bawah:

1. Tahun 1 Semester 1

Jadual 3.3.5 (i): Kursus Pengajian Diploma Syariah Islamiyah Tahun 1 Semester 1

Bil.	Mata Pelajaran	Kod	Jam Kredit
1.	Bahasa Kebangsaan	LAN 1001	3 jam
2.	Pengajian Malaysia	LAN 1003	3 jam
3.	Pengajian Islam	LAN1004	3 jam
4.	Bahasa Arab 1	DUM1013	3 jam
5.	Bahasa Inggeris 1	DUM 1113	3 jam
6.	Hafalan al-Quran 1	DUM 1510	0
Jumlah			15 jam

2. Tahun 1 Semester 2

Jadual 3.3.5 (ii) : Kursus Pengajian Diploma Syariah Islamiyah Tahun 1 Semester 2

Bil.	Mata Pelajaran	Kod	Jam Kredit
1.	Fiqh Islami	DSF 1623	3 jam
2.	Aqidah Islamiyah	DSP1823	3 jam
3.	Ulum al-Quran	DSF1023	3 jam
4.	Teori Kehakiman Islam	DSS1823	3 jam
5.	Pengantar Usul Fiqh	DSF1723	3 jam
6.	Tamadun Islam	DUM1223	3 jam
JUMLAH			18 jam

3. Tahun 2 Semester 3

Jadual 3.3.5 (iii): Kursus Pengajian Diploma Syariah Islamiyah Tahun 2 Semester 3

Bil.	Mata Pelajaran	Kod	Jam Kredit
1.	Bahasa Arab 2	DUM2013	3 jam
2.	Bahasa Inggeris 2	DUM2113	3 jam
3.	Teknologi Maklumat	DUM2313	3 jam
4.	Usul Fiqh	DSU2113	3 jam
5.	Sistem Perundangan Islam	DSU2613	3 jam
6.	Hafalan al-Quran 2	DUM2510	0
JUMLAH			15 jam

4. Tahun 2 Semester 4

Jadual 3.3.5 (iv): Kursus Pengajian Diploma Syariah Islamiyah Tahun 2 Semester 4

Bil.	Mata Pelajaran	Kod	Jam Kredit
1.	Ayat-ayat Hukum 1	DSF2823	3 jam
2.	Fiqh al-Ahwal al-Syakhsyah	DSU2323	3 jam
3.	Kaedah Penyelidikan	DSF2223	3 jam
4.	Tafsir	DSF2423	3 jam
5.	Falsafah dan Akhlak	DSF2123	3 jam
6.	Ulum al-Hadis	DSF2023	3 jam
JUMLAH			18 jam

5. Skema Kursus Pengajian Tahun 3 Semester 5

Jadual 3.3.5 (v): Kursus Pengajian Diploma Syariah Islamiyah Tahun 3 Semester 5

Bil.	Mata Pelajaran	Kod	Jam Kredit
1.	Bahasa Arab 3	DUM3013	3 jam
2.	Sistem Kehakiman Malaysia	DSU3913	3 jam
3.	Undang-undang Jenayah Malaysia	DSS3113	3 jam
4.	Undang-undang Perbandingan Islam 1	DSP3713	3 jam
5.	Fiqh Muamalat	DSS3813	3 jam
6.	Hafalan al-Quran 3	DUM3510	0
JUMLAH			15 jam

6. Skema Kursus Pengajian Tahun 3 Semester 6

Jadual 3.3.5 (vi): Kursus Pengajian Diploma Syariah Islamiyah Tahun 3 Semester 6

Bil.	Mata Pelajaran	Kod	Jam Kredit
1.	Dakwah Islamiyah	DSF3423	3 jam
2.	Ayat-ayat Hukum 2	DSF3923	3 jam
3.	Prosedur Jenayah	DSS3223	3 jam
4.	Isu-isu Fiqh Semasa	DSS3423	3 jam
5.	Undang-undang Perbandingan Islam 2	DSU3823	3 jam
JUMLAH			15 jam

3.3.6 Pengiktirafan Dan Laluan Pendidikan

Lepasan diploma daripada kolej ini adalah layak untuk menyambung pengajian mereka di pusat-pusat pengajian seperti di bawah ini:

- i. Universiti al-Yarmouk, Jordan.
- ii. Universiti Mohamad al-Khamis, Morocco.
- iii. Universiti Kaherah, Mesir.
- iv. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- v. Institut Agama Islam Negeri, Sulthan Thaha Saifuddin Jambi, Indonesia (IAIN).
- vi. Kolej Universiti Insaniah (KUIN).⁹⁷

⁹⁷ Ibid.

3.4 KESIMPULAN

Pengajian syariah di MARSAH bersifat seimbang dengan penawaran subjek yang mampu melahirkan graduan yang mempunyai pengetahuan asas dalam bidang syariah. Pendedahan kepada bahasa Arab dan Inggeris dapat menambah daya saing pelajar yang dilahirkan MARSAH.

Walau bagaimanapun, pihak pentadbiran kolej perlu mengemaskini silibus agar sentiasa memenuhi keperluan semasa bagi memastikan graduan diploma yang dilahirkan adalah setanding dengan lepasan diploma daripada IPTA dan IPTS yang lain. Di samping itu juga mereka turut mencapai tahap yang diperlukan oleh masyarakat setempat dan juga pasaran kerja semasa.

BAB 4: ANALISIS DATA

4.1 PENGENALAN

Di dalam bahagian ini, pengkaji akan membentangkan data-data yang terkumpul dan melakukan analisis mengenainya. Data-data tersebut dianalisis bagi mendapatkan jawapan kepada beberapa persoalan yang menjadi objektif dan tujuan kajian ini dilakukan. Data-data tersebut dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistic Package For the Social Science Version XI* (SPSS). Di dalam menganalisis data-data tersebut, pengkaji hanya menumpukan kepada bilangan dan peratusan responden yang terlibat di dalam kajian ini sahaja.

Selain itu, data-data tersebut dibahagikan kepada 6 kumpulan, iaitu ; (a) Biodata responden, (b) Faktor-faktor yang mendorong pelajar melanjutkan pengajian di MARSAH, (c) Teknik pengajaran dan pembelajaran yang digunakan dalam pengajian Syariah Di MARSAH, (d) Cara penilaian kerja kursus yang diberikan oleh pensyarah, (e) Persepsi pelajar terhadap pengajaran pensyarah di MARSAH, dan akhirnya (f) Kursus tambahan yang ditawarkan.

4.2 ANALISIS DATA

4.2.1 Latar Belakang Responden

4.2.1.1 Taburan Responden Mengikut Jantina


Pada asalnya, pengkaji mengagihkan boring soal-selidik sebanyak 60 set, iaitu mewakili 20 responden bagi setiap tahun pengajian, tetapi hanya 55 set soal-selidik yang dikembalikan. Sedangkan jumlah responden mengikut tahap pengajian turut tidak mencapai sasaran awal. Dalam kajian ini, seramai 55 orang responden terlibat. Dari segi jantina, responden lelaki adalah seramai 19 orang iaitu mewakili 34.5%, manakala responden perempuan pula adalah seramai 36 orang (65.5%). Senario ini kerana jumlah pelajar perempuan di MARSAN melebihi bilangan pelajar lelaki. Jadual 4.2.1.1 menunjukkan taburan responden mengikut jantina.

Jadual 4.2.1.1: Taburan Responden Mengikut Jantina

JANTINA	BIL. RESPONDEN	PERATUS (%)
Lelaki	19	35
Perempuan	36	65
JUMLAH	55	100

Sumber: Analisis soal selidik

Carta Pai 1: Peratusan responden



Jadual 4.2.1.1 di atas menunjukkan taburan jantina responden yang terlibat dalam kajian ini. Apa yang dapat pengkaji simpulkan ialah kajian ini turut berhadapan dengan taburan jantina responden yang tidak seimbang sama seperti kajian yang dilakukan di institusi pengajian tinggi yang lain. Jumlah responden lelaki yang terlibat adalah agak berkurangan berbanding responden perempuan. Ringkasnya, berdasarkan carta pai 1, bilangan pelajar lelaki adalah seramai 19 orang atau kira-kira 35% daripada responden yang terlibat. Manakala pelajar perempuan pula bilangannya adalah seramai 36 orang pelajar atau kira-kira 65%.

4.2.1.2 Umur Responden

Melalui borang soalselidik, data mengenai umur responden yang terlibat di dalam kajian ini adalah seperti Jadual 4.2.1.2 di bawah ini:

Jadual 4.2.1.2 Taburan Responden Mengikut Umur

UMUR	BIL. RESPONDEN	PERATUS (%)
> 20 tahun	43	78.3
21 – 25 tahun	10	18.1
< 25 tahun	2	3.6
JUMLAH	55	100.00

Sumber: Analisis soal selidik

Jadual 4.2.1.2 menunjukkan bilangan responden yang paling ramai terlibat adalah mereka yang berusia di sekitar kurang daripada 20 tahun, iaitu seramai 43 orang. Jumlah ini merupakan 78.3% daripada jumlah keseluruhan responden yang terlibat. Manakala responden yang berusia disekitar 21–25 tahun pula adalah seramai 10 orang, iaitu mewakili 18.1% daripada responden yang terlibat. Selain daripada dua kumpulan usia tersebut, kumpulan pelajar yang berusia melebihi 25 tahun juga didapati masih menuntut di MARSAH, dan jumlah mereka hanyalah seramai 2 orang sahaja iaitu 3.6% daripada responden yang terlibat. Oleh itu, kesimpulan yang dapat pengkaji buat mengenai taburan usia pelajar yang menyambung pelajaran di kolej ini adalah terdiri daripada tiga kumpulan; (i) pelajar yang berusia kurang dari 20 tahun, (ii) pelajar yang berusia di antara 21 hingga 25, dan (iii) pelajar yang berusia melebihi 25 tahun.

4.2.1.3 Tempat Asal Responden

Berasaskan kepada keseluruhan responden yang terlibat, dapat difahami bahawa institusi pengajian ini bukan menjadi tumpuan pelajar daripada negeri Johor sahaja, iaitu negeri di mana institusi ini berada. Ia turut menjadi pilihan kepada pelajar-pelajar yang berasal daripada beberapa buah negeri yang lain seperti Selangor, Kedah, Pulau Pinang dan Sabah. Selain daripada pelajar-pelajar yang berasal daripada dalam negeri, di kolej ini turut terdapat sejumlah pelajar yang berasal daripada negara-negara jiran seperti Thailand dan Singapura. Ia dapat dilihat dalam jadual 4.2.1.3 di bawah.

Jadual 4.2.1.3: Taburan Responden Mengikut Tempat Asal

TEMPAT ASAL	BIL. RESPONDEN	PERATUS (%)
Johor	33	60
Selangor	4	7.3
Kedah	1	2
Pulau Pinang	1	1.7
Sabah	1	1.7
Thailand	5	9.1
Singapura	10	18.2
JUMLAH	55	100.00

Sumber: Analisis soal selidik

Jadual 4.2.1.3 di atas menunjukkan taburan responden mengikut tempat asal. Didapati pelajar yang berasal daripada negeri Johor merupakan bilangan yang teramai daripada keseluruhan responden yang terlibat, iaitu 60% ataupun bersamaan dengan 33 orang pelajar. Ini diikuti oleh pelajar yang berasal daripada negara Singapura, iaitu bersamaan dengan 18.2% atau kira-kira seramai 10 orang pelajar. Kemudian diikuti pula oleh pelajar yang berasal daripada negara Thailand, yang mewakili sebanyak 9.1% daripada jumlah keseluruhan responden ataupun bersamaan dengan 5 orang pelajar. Selepas itu, diikuti pelajar yang berasal daripada negeri Selangor iaitu seramai 4 orang yang mewakili sebanyak 7.3% daripada responden kajian. Selepas itu diikuti pula oleh negeri-negeri yang lain seperti negeri Kedah (2%), Pulau Pinang (1.7%) dan Sabah (1.7%). Masing-masing diwakili oleh seorang pelajar sahaja. Jumlah pelajar dari Johor yang majoriti ini adalah disebabkan lokasi MARSAH yang terletak di Johor Bahru dan kerana itu ia menjadi pilihan pelajar dari negeri Johor.


4.2.1.4 Tahun Pengajian Responden

Jadual 4.2.1.4: Taburan Responden Mengikut Tahun Pengajian

TAHUN PENGAJIAN	BIL. RESPONDEN	PERATUS (%)
1	27	49.1
2	14	25.5
3	14	25.4
JUMLAH	55	100.00

Sumber: Analisis soal selidik

Carta 2: Jumlah responden keseluruhan



Berpanduan kepada jadual 4.2.1.4 dan carta 2 di atas, terdapat seramai 27 orang pelajar daripada tahun yang pertama yang terlibat semasa sesi menjawab soalan soalselidik. Jumlah ini mewakili kira-kira 49.1% daripada jumlah keseluruhan responden yang terlibat. Manakala tahun kedua dan ketiga pula diwakili oleh 14 orang pelajar yang mana masing-masing mewakili 25.5% dan 25.4% daripada keseluruhan responden yang terlibat. Jumlah tidak seimbang ini tersasar daripada cadangan awal kajian yang menetapkan sebanyak 20 orang responden mengikut tahun pengajian. Ini kerana responden tahun 1 lebih mudah memberi kerjasama berbanding responden dari tahun 2 dan 3.

4.2.1.5 Pembiayaan Pengajian Responden

Jadual 4.2.1.5: Taburan Responden Mengikut Pembiayaan Pengajian

PEMBIAYAAN PENGAJIAN		BIL. RESPONDEN	PERATUS (%)
Pembiayaan sendiri		35	63.6
Pembiayaan badan berkanun	LBKM	2	3.6%
	MPZS	2	3.6%
	YPJ	16	29.1%
JUMLAH		55	100.00

Sumber: Analisis soal selidik

Jadual 4.2.1.5 di atas adalah dua cara pembiayaan yang digunakan oleh responden, iaitu; (1) pelajar yang membiaya sendiri pengajian, iaitu kira-kira seramai 35 orang ataupun bersamaan dengan 63.6%, dan (2) mendapat pembiayaan daripada badan berkanun, iaitu kira-kira seramai 20 orang pelajar, bersamaan 36.3%. Daripada jumlah itu, 2 orang dibiaya oleh LBKM (3.6%), 2 orang dibiaya oleh MPZS (3.6%) dan 16 orang pula dibiaya oleh YPJ (29.1%). Berasaskan kepada hasil dapatan di atas, pengkaji dapat membuat kesimpulan bahawa lebih separuh daripada pelajar di kolej ini menanggung sendiri kos pengajian mereka. Keadaan ini dapat membuktikan bahawa kolej ini tidak mengenakan pembayaran yang melampaui had kemampuan para pelajar.

4.2.2 Teknik Pengajaran Yang Digunakan Dalam Pengajian Syariah Di MARSAH

Di dalam bahagian ini pula, pengkaji cuba melihat teknik pengajaran yang digunakan oleh para pensyarah daripada Jabatan Syariah di kolej ini di dalam menyampaikan subjek-subjek di dalam Program Pengajian Syariah. Pendekatan ini diambil sebagai satu cara untuk mengenal pasti kaedah pengajaran yang digunakan di dalam menyampaikan sukatan pelajaran bagi Program Pengajian syariah di kolej ini. Seterusnya, pengkaji turut dapat meninjau dan mengenalpasti masalah dan halangan yang dialami oleh pelajar dan pensyarah di dalam mereka menghadapi proses pembelajaran dan pengajaran di kolej ini.

4.2.2.1 Penggunaan ICT Semasa Sesi Pengajian

Pengkaji memulakan perbincangan dalam bahagian ini dengan melihat adakah kolej ini menggunakan pendekatan ICT di dalam menyampaikan bahan-bahan pengajaran atau sebaliknya, iaitu hanya menggunakan pendekatan tradisional (secara verbal dan merujuk kitab atau bahan-bahan yang bercetak semata-mata). Jadual 4.2.2.1 menunjukkan maklumat mengenai penggunaan ICT sebagai bahan atau alat bantu mengajar di kolej ini.

Jadual 4.2.2.1: Taburan Penggunaan ICT Semasa Sesi Pengajaran

PENGUNAAN ICT	BIL. RESPONDEN	PERATUS (%)
Kadang-kadang	11	20.0

Jika perlu	30	54.5
Tiada	14	25.5
JUMLAH	55	100.00

Sumber: Analisis soal selidik

Dapatan yang diperolehi daripada borang soalselidik, sejumlah 30 orang pelajar atau kira-kira 54.5% daripada responden menyatakan bahawa para pensyarah akan menggunakan peralatan ICT apabila perlu. Peratusan untuk bahagian ini (Jika Perlu) adalah mewakili% yang tertinggi sekali daripada pilihan-pilihan jawapan yang lain, iaitu bagi “Kadang-kadang” seramai 11 responden yang memilihnya ataupun kira-kira 20%. Manakala bagi jawapan “Tiada penggunaan ICT” pula seramai 14 orang responden yang memilihnya ataupun mewakili kira-kira 25.5%.

4.2.2.2 Penggunaan Projektor Semasa Sesi Pengajaran

Jadual 4.2.2.2: Penggunaan Projektor Semasa Sesi Pengajaran

PENGUNAAN PROJEKTOR	BIL. RESPONDEN	PERATUS (%)
Ya	2	3.6
Tidak	53	96.4
JUMLAH	55	100.00

Sumber: Analisis soal selidik

Jadual 4.2.2.2 di atas menunjukkan kepada taburan penggunaan projektor dalam sesi kuliah di MARSAH. Melalui dapatan tersebut, pengkaji dapat memahami bahawa penggunaan alat bantu mengajar jenis projektor ini terlalu kurang digunakan oleh pensyarah-pensyarah di Jabatan Syariah ini. Bersandarkan kepada jadual 13 di atas, bilangan pelajar yang menyatakan pensyarah tidak menggunakan projektor sebagai alat bantu mengajar adalah terlalu tinggi, iaitu seramai 53 orang (96.4%), manakala baki daripada responden, iaitu seramai 2 orang sahaja yang memilih jawapan “Ya” dalam borang soal selidik dan bilangan ini hanya mewakili kira-kira 3.6% daripada responden yang terlibat. Melalui dapatan tersebut, jelas menunjukkan bahawa para pensyarah di jabatan syariah turut tidak ketinggalan di dalam menggunakan projektor sebagai alat bantu mengajar.

4.2.2.3 Penggunaan Buku Teks Dalam Sesi Kuliah Di Marsah

Jadual 4.2.2.3 menunjukkan taburan responden mengikut penggunaan buku teks dalam sesi pembelajaran di MARSAH. Hasil dapatan menyatakan bahawa kira-kira 25 orang responden (45.5%) mengakui bahawa para pensyarah di Jabatan Syariah ini turut menggunakan buku teks atau buku rujukan semasa sesi perkuliahan. Walau bagaimanapun, baki daripada responden, iaitu seramai 30 orang (54.5%) pula menyatakan bahawa para pensyarah tidak menggunakan buku teks ataupun buku rujukan semasa sesi perkuliahan. Kesimpulan yang dapat pengkaji buat berasaskan kepada dapatan tersebut ialah ramai daripada responden menyatakan bahawa para pensyarah di Jabatan Syariah di kolej ini tidak menggunakan buku teks ataupun buku rujukan semasa sesi perkuliahan. Walau bagaimanapun, jumlah responden yang menyatakan bahawa para pensyarah turut menggunakan buku teks ataupun buku

rujukan semasa sesi perkuliahan juga perlu diberi perhatian. Hal ini adalah kerana jumlahnya juga agak tinggi iaitu kira-kira 45.5% daripada jumlah responden. Oleh itu, pengkaji dapat rumuskan bahawa sebahagian besar daripada pensyarah di jabatan ini tidak menggunakan buku teks atau buku rujukan dan ada sebahagian yang lain yang menggunakan bahan tersebut sebagai medium di dalam pengajian mereka.

Jadual 4.2.2.3: Penggunaan Buku Teks Dalam Sesi Kuliah Di MARSAH

PENGUNAAN BUKU TEKS	BIL. RESPONDEN	PERATUS (%)
Ya	25	3.6
Tidak	30	96.4
JUMLAH	55	100.00

Sumber: Analisis soal selidik

4.2.2.4 Kaedah Pengajaran Semasa Sesi Perkuliahan Di MARSAH

Jadual 4.2.2.4: Kaedah Pengajaran Semasa Sesi Perkuliahan Di MARSAH

KAEDAH PENGAJARAN	BIL. RESPONDEN	PERATUS (%)
Sehala	19	34.5
Tidak sehala	36	65.5
JUMLAH	55	100.00

Sumber: Analisis soal selidik

Jadual 4.2.2.4 di atas adalah merujuk kepada hasil dapatan mengenai penggunaan kaedah pengajaran yang digunapakai oleh pensyarah semasa sesi kuliah dijalankan. Seramai 19 orang responden memilih jawapan kaedah sehalu (34.5%). Manakala bakinya, iaitu seramai 36 orang memilih jawapan tidak sehalu bagi soalan yang berkaitan dengan penggunaan metode pengajaran yang digunapakai oleh pensyarah di Jabatan Syariah di kolej ini. Jumlah ini mewakili sebanyak 65.5% daripada keseluruhan responden yang terlibat. Ini bererti tenaga pengajar di MARSAH ramai yang mengaplikasi pengajaran interaktif dalam bentuk dua pihak, tidak berbentuk sehalu.

4.2.2.5 Perbincangan Dengan Rakan-Rakan

Jadual 4.2.2.5: Taburan Responden Yang Menggunakan Kaedah Perbincangan Dengan Rakan Sekelas

KAEDAH PERBINCANGAN	BIL. RESPONDEN	PERATUS (%)
Ya	44	80.0
Tidak	11	20.0
JUMLAH	55	100.00

Sumber: Analisis soal selidik

Jadual 4.2.2.5 di atas menunjukkan taburan pelajar yang memilih cara perbincangan dengan rakan-rakan sebagai cara pembelajaran di kolej ini. Melaluinya dapat difahami bahawa sebahagian besar daripada responden memilih cara perbincangan dengan rakan-rakan sebagai satu cara pembelajaran. Seramai 44 orang

responden didapati memilih cara ini sebagai cara untuk mereka belajar dan mengulang kaji pelajaran mereka. Jumlah ini mewakili sebanyak 80% daripada responden yang terlibat. Kesimpulan yang dapat dibuat mengenai cara atau teknik mengulang kaji pelajaran yang digunakan oleh responden melalui kaedah ini adalah tinggi.

4.2.2.6 Kaedah Soal Jawab Dalam Pembelajaran di MARSAH

Jadual 4.2.2.6: Taburan Pelajar Yang Menggunakan Kaedah Soal Jawab

KAEDAH SOAL-JAWAB	BIL. RESPONDEN	PERATUS (%)
Ya	40	72.7
Tidak	15	27.3
JUMLAH	55	100.00

Sumber: Analisis soal selidik

Jadual 4.2.2.6 di atas merujuk kepada taburan pelajar yang menggunakan kaedah soal jawab sebagai metod pembelajaran mereka di kolej ini. Hasil dapatan tersebut menyatakan bahawa 72.7% daripada responden menggunakan kaedah ini sebagai cara mereka belajar. Peratusan ini adalah mewakili responden seramai 40 orang pelajar. Walau bagaimanapun, terdapat sebahagian kecil, iaitu 15 orang responden yang tidak memilih cara ini sebagai metod pembelajaran mereka. Kesimpulan yang dapat dibuat berasaskan kepada pemilihan cara ini ialah sebahagian besar daripada responden adalah mereka yang lebih gemar untuk

mengetahui dan mengingat sesuatu perkara dengan cara bertanya kepada mereka yang lebih arif mengenai perkara tersebut.

4.2.2.7 Penggunaan ICT Sebagai Medium Pembelajaran

Penggunaan ICT turut digunakan oleh pelajar kolej ini untuk mengulangkaji pelajaran dan juga atas tujuan menambahkan lagi pengetahuan mereka mengenai isu semasa. Hasil dapatan menunjukkan bahawa responden yang menggunakan cara ini sebagai kaedah mengulangkaji pelajaran dan sebagai satu kaedah menambahkan lagi pengetahuan dan pendedahan mengenai isu semasa hanyalah seramai 4 orang sahaja (7.3%) dan bilangannya adalah terlalu sedikit. Manakala baki daripada responden, iaitu 51 orang pula tidak memilih cara ini untuk mengulangkaji pelajaran dan untuk tujuan menambahkan lagi ilmu pengetahuan serta maklumat mengenai isu semasa. Bilangan responden yang memilih jawapan ini (Tidak) adalah amat tinggi, iaitu seramai 51 atau kira-kira 92.7 peratus. Jadual 4.2.2.7 di bawah menunjukkan taburan pelajar yang menggunakan ICT sebagai salah satu daripada cara pembelajaran yang digunakan di kolej ini.

Jadual 4.2.2.7: Taburan Responden Mengikut Penggunaan ICT Sebagai Medium Pembelajaran

PENGUNAAN ICT	BIL. RESPONDEN	PERATUS (%)
Ya	4	7.3
Tidak	51	92.7
JUMLAH	55	100.00

Sumber: Analisis soal selidik

4.2.2.8 Penggunaan Alat Bantu Mengajar Semasa Proses Pengajaran Dan Pembelajaran

Jadual 4.2.2.8 adalah hasil dapatan mengenai penggunaan alat bantu mengajar yang digunakan di kolej ini semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Di dalam borang soalselidik, pengkaji telah menyediakan 4 pilihan jawapan untuk responden memilihnya, iaitu ; (1) Sering digunakan, (2) Jarang digunakan, (3) Digunakan bila perlu, dan (4) Tidak digunakan. Dapatan yang diperolehi menunjukkan bahawa kebanyakan daripada responden telah memilih jawapan yang ke-3 (Digunakan bila perlu) dan jumlahnya adalah seramai 35 orang responden. Jumlah ini adalah mewakili 63.6% daripada keseluruhan responden yang terlibat. Jadual 4.2.2.8 di bawah adalah merujuk kepada taburan penggunaan alat bantu mengajar semasa proses pengajian dan pembelajaran

Jadual 4.2.2.8: Taburan Responden Mengikut Penggunaan Alat Bantu Mengajar Semasa Proses Pengajaran Dan Pembelajaran

PENGUNAAN ABM	BIL. RESPONDEN	PERATUS (%)
Sering Digunakan	5	9.1
Jarang Digunakan	7	12.7
Digunakan bila perlu	35	63.6
Tidak Digunakan	8	14.5
JUMLAH	55	100.00

Sumber: Analisis soal selidik

Rumusan yang dapat dibuat berasaskan kepada dapatan yang diperolehi hasil daripada borang soal selidik ialah para pensyarah di jabatan ini hanya akan menggunakan alat bantu mengajar apabila dirasakan perlu untuk menggunakannya. Hal ini jelas dengan melihat kepada jawapan yang dipilih oleh responden mengenai persoalan tersebut, iaitu seramai 35 orang kesemuanya atau kira-kira 63.6%. Manakala responden yang lain telah memilih tiga pilihan jawapan yang lain, iaitu sering digunakan, jarang digunakan dan tidak digunakan. Ringkasnya, kesimpulan yang dapat pengkaji buat kepada pemilihan jawapan ketiga-tiga jawapan tersebut adalah rendah dan tidak melebihi 10 responden.

4.2.3 Kaedah Penilaian Kerja Kursus

Pendekatan selanjutnya yang diambil oleh pengkaji di dalam mengumpulkan maklumat mengenai Metodologi Pengajian Syariah di kolej ini adalah dengan melihat bagaimanakah kertas tugas ataupun kerja kursus pelajar dinilai oleh para pensyarah.

Untuk tujuan tersebut, di dalam borang soal-selidik pengkaji telah memasukkan beberapa situasi atau keadaan yang boleh dipilih oleh responden bagi menyatakan bagaimanakah kerja kursus mereka dinilai oleh para pensyarah. Berikut adalah dapatan mengenai cara penilaian yang digunakan bagi menilai kerja kursus yang dibuat oleh para pelajar:

4.2.3.1 Teknik Membentangkan Kerja Kursus

Jadual 4.2.3.1: Taburan Responden Mengikut Teknik Membentangkan Kerja Kursus

TEKNIK PEMBENTANGAN	BIL. RESPONDEN	PERATUS (%)
Guna Papan Hitam	29	41
Bercakap Tanpa Sebarang Alat Bantuan	23	33
Guna Komputer	13	19
Guna OHP	3	4
Kertas Mahjong	2	3
JUMLAH	55	100

Sumber: Analisis soal selidik

Jadual 4.2.3.1 adalah merujuk kepada dapatan mengenai cara pembentangan kertas kerja yang dilakukan oleh pelajar di kolej ini. Terdapat lima cara atau pendekatan yang sering digunakan oleh pelajar di kolej ini terutamanya pelajar daripada Jabatan Syariah. Melalui jadual 4.2.3.1 juga pengkaji dapat mengetahui bahawa kaedah pembentangan yang paling popular di kalangan responden adalah ; Pembentangan Dengan Menggunakan Papan Hitam 29 orang (41%), Bercakap Tanpa Sebarang Alat Bantuan 23 orang (33%), Guna Komputer 13 orang (19%), Guna OHP 3 orang (4%) dan pendekatan yang terakhir Kertas Mahjong 2 orang (3%).

Kesimpulan yang dapat pengkaji buat berdasarkan dapatan di atas ialah ramai di kalangan responden masih menggunakan pendekatan tradisional, iaitu dengan menggunakan papan hitam sebagai alat bantuan di dalam menyampaikan kerja kursus mereka. Malah masih terdapat sejumlah bilangan yang besar di kalangan responden menggunakan pendekatan tanpa menggunakan sebarang alat bantuan semasa sesi pembentangan kertas kerja. Walau bagaimanapun, terdapat juga sekumpulan pelajar yang menyahut cabaran dunia ICT sekarang dengan menggunakan perisian komputer untuk menyampaikan pembentangan kertas kerja mereka. Selain itu, terdapat dua lagi cara yang digunakan oleh responden iaitu menggunakan OHP dan juga Kertas Mahjong. Kedua-dua cara yang terakhir ini mempunyai bilangan yang agak kecil, iaitu seramai 3 dan 2 orang sahaja .

4.2.4 Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran Pensyarah Di MARSAH

4.2.4.1 Cara Penilaian Keberkesanan Pengajaran Pensyarah

Jadual 4.2.4.1: Taburan Responden Mengikut Cara Penilaian Pengajaran Pensyarah

PENILAIAN PENGAJARAN	BIL. RESPONDEN	PERATUS (%)
Borang soal selidik diedarkan kepada pelajar	23	41.8
Penilaian Oleh Badan Tertentu	16	29.1
Tiada penilaian	16	29.1
JUMLAH	55	100.00

Sumber: Analisis soal selidik

Jadual 4.2.4.1 di atas adalah maklumat mengenai cara penilaian yang pernah digunakan bagi menilai keberkesanan pengajaran yang digunakan oleh pensyarah di Jabatan Syariah, MARSAH. Hasil dapatan menunjukkan terdapat beberapa cara atau kaedah yang digunakan bagi tujuan itu. Antaranya dengan menggunakan borang soal selidik yang diedarkan kepada para pelajar dari jabatan ini. Dapatan yang diperolehi menunjukkan seramai 23 orang responden telah memilih cara ini bagi menyatakan bahawa keberkesanan kaedah pengajaran yang digunakan oleh para pensyarah di jabatan ini telah dinilai menggunakannya dan ia membawa peratusan sebanyak 41.8%. Cara kedua yang digunakan bagi menilai keberkesanan pengajaran ialah dengan menggunakan penilai dari luar yang dilantik dari badan yang tertentu. Bagi kaedah dan cara ini, dapatan menunjukkan seramai 16 orang responden memilihnya dan jumlah ini mewakili sebanyak 29.1% daripada jumlah keseluruhan responden.

Selain daripada dua pilihan jawapan di atas, terdapat juga kumpulan responden yang memilih jawapan “tiada penilaian” yang pernah dibuat terhadap pengajaran para pensyarah di kolej ini. Jumlah responden yang memilih jawapan ini adalah seramai 16 orang responden dan mewakili sebanyak 29.1% daripada responden. Berasaskan kepada dapatan yang diperolehi, apa yang dapat pengkaji simpulkan adalah para pensyarah dari Jabatan Syariah di MARSAH pernah dilakukan penilaian mengenai prestasi dan keberkesanan pengajaran yang mereka gunakan semasa sesi kuliah.

4.2.5 Pendedahan Terhadap Subjek Tambahan

4.2.5.1 Kursus Tambahan

Dalam usaha MARSAB untuk melahirkan graduan pengajian islam yang kompetan dalam pelbagai aspek, pihak pengurusan MARSAB telah mengatur langkah dan membuat persediaan awal dengan menetapkan beberapa subjek tambahan yang tertentu di dalam sukatan kursus pengajian yang ditawarkan. Subjek ini perlu diambil oleh setiap pelajar bagi mencukupkan jumlah jam kredit yang perlu diambil oleh setiap pelajar bagi memenuhi syarat penganugerahan diploma yang sedang diambil.

Selain dari itu, pendedahan para pelajar terhadap subjek tersebut merupakan satu persiapan di dalam melahirkan lepasan diploma pengajian islam yang berketerampilan dan bersahsiah tinggi. Selanjutnya mereka berupaya untuk duduk sama tinggi malahan berkemungkinan menandingi lepasan-lepasan diploma daripada pusat-pusat pengajian tinggi yang lain. Oleh yang demikian, kesan daripada pemahaman dan penguasaan para lepasan diploma tersebut di dalam bidang yang mereka ceburi akan melahirkan khalifah Allah yang dinanti-nantikan. Mereka akan meneruskan usaha memakmurkan dunia ini mengikut apa yang diredainya. Berikut adalah senarai subjek tambahan yang telah menjadi sukatan pengajian kepada pelajar di MARSAB.

Jadual 4.2.5.1: Senarai Subjek Tambahan Yang Perlu diambil Oleh Para Pelajar
Syariah di MARSAH

BIL.	SUBJEK TAMBAHAN
1	Bahasa Kebangsaan
2	Pengajian Malaysia
3	Bahasa Inggeris 1 dan 2
4	Teknologi Maklumat
5	Kaedah Penyelidikan
6	Sistem Kehakiman Malaysia
7	Undang-Undang Jenayah Malaysia

4.3 KESIMPULAN

Secara umumnya, pengajian syariah di MARSAH bersifat dinamik dan dirangka untuk menghasilkan pelajar yang kompeten, khususnya dalam melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Dari aspek latar belakang pelajar, rata-rata pelajar terdiri daripada lepasan SPM dan berasal dari dalam negara dan luar negara. Kebanyakannya adalah pembiayaan sendiri.

Dari aspek pengajarannya, pengajian syariah di MARSAH masih mengamalkan pendekatan tradisional iaitu pendekatan sehalu di samping penggunaan alat bantu mengajar yang minimum. Dari aspek pembelajaran, para pelajar masih lagi ketinggalan berbanding pelajar IPTA dan IPTS yang lain. Penggunaan ICT di kalangan pelajar masih lagi minimum. Walaupun begitu, terdapat beberapa subjek tambahan bagi menambah nilai pasaran kerja para pelajar.

BAB 5: PENUTUP

5.1 PENGENALAN

Pengajian Syariah merupakan satu jurusan pendidikan yang penting di dalam membentuk masyarakat Islam yang lebih bersedia dengan cabaran hidup di dunia dan menghadapi ketentuan Ilahi di akhirat nanti. Segala tatacara kehidupan yang diredai dan diaturkan oleh Allah perlu digarap dan difahami dengan tepat seperti mana yang dikehendaki.

Tambahan pula pada hari ini, fenomena dan perkembangan dunia kini semakin maju dan moden dengan penemuan dan rekaan pelbagai peralatan yang cukup canggih, dan ini menuntut perubahan paradigma umat Islam ke arah yang lebih maju ke hadapan dan seterusnya memiliki minda kelas pertama. Kedua-dua keadaan ini akan memastikan masyarakat Islam tidak terus ketinggalan di dalam pelbagai lapangan kehidupan seperti mana yang berlaku kini.

5.2 RUMUSAN

Hasil dapatan yang diperolehi mengenai Metodologi pengajian syariah di Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH) menyatakan bahawa kolej ini secara keseluruhannya menggunakan kurikulum yang diguna pakai di Universiti al-Azhar, Mesir. Oleh itu, kolej ini agak terikat dengan subjek-subjek tradisi yang diwarisi dari zaman yang lalu akibat daripada perjanjian yang telah dimeterai bersama.

Walau bagaimanapun, pihak pengurusan MARSAH telah mengatur rancangan agar kolej ini sentiasa berada pada landasan yang tepat dengan kehendak semasa dengan menawarkan beberapa mata pelajaran tambahan yang lain bagi memastikan ia bersesuaian dengan kehendak dan keperluan pasaran semasa. Selain itu, mata pelajaran tambahan yang dipilih sebagai subjek yang perlu diambil oleh para pelajar juga amat menekankan kesesuaian subjek tersebut dengan Fakulti yang terdapat di kolej ini.

Berkaitan dengan kaedah pengajaran yang diguna pakai oleh pensyarah semasa kuliah dijalankan, pengkaji dapati beberapa kaedah telah digunakan untuk tujuan itu sama ada berbentuk sehalu, interaktif dan sebagainya. Walau bagaimanapun, ia adalah terserah kepada kebijaksanaan pensyarah yang mengendalikan kuliah tersebut dan kesesuaiannya dengan tajuk yang hendak disampaikan kepada pelajar.

Selain itu, para pensyarah daripada jabatan ini juga turut tidak ketinggalan di dalam menggunakan pendekatan yang terkini semasa menyampaikan kuliah kepada para pelajar. Antara kaedah moden yang digunakan adalah seperti penggunaan ICT, projektor dan tayangan slide semasa sesi kuliah di samping penggunaan alat bantu mengajar yang lain. Walaupun begitu ia masih minimum.

Berkaitan dengan kaedah pembelajaran yang digunakan oleh para pelajar dari jabatan ini, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa terdapat beberapa cara pembelajaran yang diguna pakai oleh mereka di sepanjang tempoh pengajian mereka

di kolej ini. Ringkasnya, kaedah perbincangan dengan rakan-rakan adalah menjadi pilihan utama kepada majoriti pelajar daripada Jabatan Syariah di MARSAH sebagai cara untuk mereka melakukan proses (kegiatan) belajar dan juga mengulang kaji pelajaran yang diambil.

Perlu diperhatikan juga di sini, mengapa kaedah tersebut menjadi pilihan utama kepada sebilangan besar para pelajar MARSAH di dalam mengulang kaji pelajaran mereka. Hal ini adalah kerana ia dapat mempermudah proses penghadaman maklumat-maklumat dalam bilik kuliah di samping mencambahkan pemikiran pelajar.

Selain daripada kesungguhan para pelajar menghadapi hari-hari pengajian mereka di kolej ini, perlu diperhatikan juga tentang usaha yang telah diambil oleh MARSAH untuk melahirkan lepasan diploma pengajian Islam yang kompeten dan seterusnya dapat bersaing dengan lulusan IPTA dan IPTS yang lain. Antara usaha yang telah dijalankan ialah dengan melakukan penilaian terhadap keberkesanan kaedah pengajaran yang telah digunakan oleh pensyarah semasa sesi kuliah dijalankan.

Dalam usaha tersebut, terdapat dua kaedah penilaian yang telah digunakan, iaitu; (1) melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada para pelajar, dan (2) penilaian yang dibuat oleh badan yang tertentu.

Kesimpulan yang dapat pengkaji buat dengan berasaskan kepada hasil dapatan yang diperolehi menunjukkan bahawa pihak pengurusan MARSAH telah melakukan usaha untuk memperbaiki mutu pengajaran dan memperelok lagi kaedah pedagogi yang digunakan oleh para pensyarah di jabatan ini.

Selain itu, pihak pengurusan MARSAH turut berusaha untuk meningkatkan mutu graduannya dengan menggalakkan para pelajarnya untuk menyertai pelbagai kursus dan seminar dalam pelbagai bidang. Pendekatan seperti ini sedikit sebanyak akan membantu di dalam membentuk graduan pengajian Islam yang lebih kompeten untuk bersaing dengan graduan lulusan daripada IPTA dan IPTS lain. Seterusnya dapat melahirkan golongan lepasan diploma yang memenuhi kehendak pasaran kerjaya masa kini.

Selain daripada usaha dan tindakan yang telah dan akan diambil oleh pihak pengurusan MARSAH di dalam menyediakan generasi lepasan diploma pengajian Islam yang kompeten dan memenuhi kehendak pasaran kerjaya masa kini, para pelajar turut digalakkan agar bergiat cergas di dalam berpersatuan dan juga aktiviti-aktiviti kokurikulum yang lain.

Selain sibuk berpersatuan dan juga aktiviti-aktiviti yang lebih berbentuk ilmiah, para pelajar turut tidak ketinggalan di dalam membudayakan hidup yang lebih cergas dengan mengamalkan aktiviti bersukan sebagai kegiatan sampingan. Cara ini sedikit sebanyak dapat menjamin kehidupan yang lebih sihat dan bersemangat di dalam matlamat untuk mencapai kecemerlangan di arena pelajaran

dan juga bersiap sedia untuk memasuki dunia masyarakat yang penuh dengan cabaran yang mencabar.

Walaupun bagaimanapun, kolej ini turut berhadapan dengan masalah dan halangan yang sama seperti yang dihadapi oleh IPTA dan IPTS yang lain di dalam proses pembelajaran dan pengajaran terutamanya dari aspek penguasaan Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab.

Bagi mengatasi permasalahan yang dihadapi, pihak kolej disarankan supaya mengambil pelbagai langkah yang perlu untuk mengatasinya seperti menganjurkan kempen berbahasa Arab, anjurkan program dan aktiviti yang menekankan penggunaan Bahasa Inggeris/Arab di kalangan para pelajar ataupun memperkenalkan minggu berbahasa Inggeris/Arab. Di dalam penganjuran program dan aktiviti tersebut, penyertaan daripada para pensyarah turut diperlukan bagi menjayakan lagi program tersebut dan seterusnya dapat mencapai objektif penganjurannya.

Ringkasnya, ketiga-tiga watak utama di kolej ini sama ada pentadbir MARSAM, barisan pensyarah dan para pelajar perlu bergandingan dan berkerjasama di dalam mencapai kecemerlangan di dalam merealisasikan objektif, visi dan misi penubuhan kolej ini.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Halim El-Muhammady (1982), *Pengaruh Madhhab Shafii Dan Masalah Kaum Muda Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah.
- Abdul Halim Mat Diah (1987) *Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi*. Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin Akademi Islam Universiti Malaya.
- Abdul Karim Ali & Raihanah Hj. Azahari (2001), *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*. Kuala Lumpur: Unit Penerbitan Akademi Pengajian Islam.
- Abdullah Ishak (1990), *Islam Di Nusantara Khususnya Di Tanah Melayu*. Selangor: Al-Rahmaniah.
- _____ (1995), *Pendidikan Islam Dan Pengaruhnya Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Jusuh (1990), *Tamadun Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Monir Yaacob (2003), “Pengajian Islam di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta” dalam Suzalie Mohamad (ed.), *Memahami Isu-isu Pendidikan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Abudin Nata (1997), *Filsafat Pendidikan Islam*. Jakarta: Logos Wacana Ilmu.
- Amran Kasimin (1991), *Religion and Social Change Among the Indigenous People of the Malay Peninsula*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Asyqar, ‘Umar Sulayman (1991), *Khasa’is al-Syari’ah al-Islamiyyah*. c. 3, Beirut: Dar al-Nafa’is.

Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam.
(2001), Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Fadzlullah Hj. Shuib (1996), *Kecemerlangan Ilmu Dalam Sejarah dan Tamadun Islam: Penginstitusian Ilmu di Zaman Abbasiyah 750-1258 M.* Kuala Lumpur: Pustaka Warisan.

Gerald S. Ferman & Jade Levin (1975), *Social Sciences Research*, United States of America: John Wisley & Sons.

Ghazali Darussalam (2001), *Pedagogi Pendidikan Islam.* Selangor: Utusan Publications.

H. Samsul Nizar (2007), *Sejarah Pendidikan Islam.* Jakarta: Kencana.

Harun Mat Piah *et.al* (eds.) (2000), *Kesusasteraan Melayu Tradisional.* e. 2, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hasnizam Hashim (2004), “Metodologi Pengajian Syariah Di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia”, (Disertasi M.Sh., Jabatan Fiqh dan Usul, APIUM, tidak diterbitkan).

Hasyim Abdullah *et al.* (1998), *Perspektif Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Media Universiti Malaya.

Ibn Manzur (1994), *Lisan al- ‘Arab.* c. 3, Beirut: Dar Sadir.

Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan.* Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam.

Jasa Ungguh Muliawan (2005), *Pendidikan Islam Integratif.* Yogyakarta: Pustaka Pelajar.

Jawatan kuasa Tetap Bahasa Melayu (1992), *Pedoman Transliterasi Huruf Arab Ke Huruf Rumi.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Al-Jurjani (t.t.), *al-Ta'rifat*. (t.t.p.): Dar al-Dayyan li al-Turath.
- Kamus Dwibahasa*. (2002), edisi kedua, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khomsah binti Mutalib (2004), "Metodologi Pengajian Syariah Di Kolej Islam Darul Ulum, Pokok Sena, Kedah", (Disertasi MSh, Jabatan Fiqh dan Usul, APIUM, tidak diterbitkan).
- Koentjaraningrat (1977), *Metode-metode Penelitian Masyarakat*. Jakarta: PT Gramedia.
- Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH), *Dalil Akademik Kuliah Syariah Islamiah*. 2007/2008.
- Louay Safi (1998), *Asas-asas Ilmu Pengetahuan: Satu Kajian Perbandingan Kaedah-kaedah Penyelidikan Islam dan Barat*. Kuala Lumpur: The International of Islamic Thought & Thinker's Library.
- Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid (1997), *Dinamisme Pengajian Syariah*. Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- _____ (2004), *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- _____ & Paizah Hj Ismail (2004), *Pengantar Pengajian Syariah*. Kuala Lumpur: al-Baian Corporation.
- Mohd Shaffie Abu Bakar (1987), *Metodologi Penyelidikan*. Bangi: UKM.
- Mohd. Saleh Haji Ahmad (1999), *Pengantar Syariat Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid.
- Muhammad Abdul Rauf (1964), *A Brief History of Islam: With Special Reference to Malaya*. Kuala Lumpur : Oxford University Press.

- Noresah Baharom *et al.* (eds.) (2005), *Kamus Dewan*. edisi 4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Qaradawi, Yusuf (1997), *Madkhal li Dirasati al-Syari'ah al-Islamiyyah*. c. 2. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Qurtubi, Muhammad b. Ahmad (1996), *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim (2002), "Adat dan Kesenian Melayu : Satu Tafsiran dari Perspektif Islam", (Kertas kerja Seminar Adat dan Kesenian Melayu Mengikut Perspektif Islam, anjuran Institut Seni Malaysia Melaka (ISMMA), Melaka).
- Rosliza @ Rosli Mahmud (2005), "Metodologi Pengajian Syariah Di Pondok Moden Kandis, Bachok, Kelantan, Kelantan", (Disertasi M.Sh., Jabatan Fiqh dan Usul, APIUM, tidak diterbitkan).
- Samaruddin Rejab & Nazri Abdullah (1992), *Panduan Menulis Tesis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sheikh Abdullah Basmeih (1982) *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*. Kuala Lumpur: BAHEIS.
- Sulaiman Masri (2003), *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan Esei, Proposal dan Tesis*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Suraya Binti Mohd Zin (2003), "Metodologi Pengajian Syariah Di Kolej UNITI", (Disertasi M.Sh., Jabatan Fiqh dan Usul, APIUM, tidak diterbitkan).
- Syed Arabi Idid (1992), *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. c. 2, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas (1990), *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia.

Wan Mohd Nor Wan Daud (1995), *Penjelasan Budaya Ilmu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Winargo Surachmad (1970), *Dasar dan Teknik Reseach, Pengantar Methodologi Ilmiah*, Bandung : Penerbit C.V. Tarsito.

Zulkarnain Zakaria & Hishamuddin Md. Som (2001), *Analisis Data Menggunakan SPSS Windows*, Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Zurita binti Mohd Yusoff (2004), “Metodologi Pengajian Syariah di Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA), Kuala Terengganu, Terengganu”, (Disertasi M.Sh., Jabatan Fiqh dan Usul, APIUM, tidak diterbitkan).